



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

BAHASA MELAYU

TINGKATAN 4





RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

BAHASA MELAYU

TINGKATAN

4

PENULIS

Zanariah binti Abdol
Amir Hazlin bin Lin
Latifah binti Tarkep

JAWATANKUASA PENINGKATAN MUTU

Abdul Rasid bin Jamian
Norliza binti Jamaluddin
Dahlia binti Janan
Norliza binti Abu Bakar
Alias bin Derais@ldris

EDITOR

Hazimah binti Yusof
Norma binti Sanid

PEREKA BENTUK

Rohaizah binti Hamzah
Roszaini binti Md Yussof

ILUSTRATOR

Irni Norfarhana binti Md Nor



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2019



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0089

KK 499-221-0102011-49-2513-30101
ISBN 978-983-49-2513-0

Cetakan Pertama 2019
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2019

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini, tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Aliran KH Enterprise

Muka Taip Teks: Utopia
Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:
My Bookpal Sdn. Bhd.,
13A, Jalan Taming 10,
Taman Taming Jaya Industrial Park,
43300 Balakong,
Selangor Darul Ehsan.

Penghargaan

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Pakar Rujuk Bahasa, Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Abdul Karim
- Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)
- Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan)
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
- Perbadanan Kota Buku
- Bahagian D10, Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- Pusat Pemprosesan Makanan FAMA, Rengit, Johor
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- Bank Negara Malaysia (BNM)
- Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
- Majlis Sukan Negara (MSN)
- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
- Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA)
- Universiti Putra Malaysia (UPM)
- *Trash Hero* Langkawi
- Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara Malaysia (NIOSH)
- Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM)
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan (JKKNNS)
- Sekolah Menengah Sains Tuanku Munawir, Seremban, Negeri Sembilan
- Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 16, Shah Alam, Selangor
- Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Beluru, Kuala Kangsar, Perak
- Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan 3, Bandar Baru Bangi, Selangor
- Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- Petrosains
- Kementerian Industri Utama (MPI)
- Semua pihak yang terlibat secara langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku teks ini.

KANDUNGAN

Pendahuluan	vii
Pemetaan Kandungan.....	xii
Aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21.....	xv
Teknik Bacaan	xviii

TEMA 2 INSAN TERDIDIK, NEGARA SEJAHTERA..... 14

Nutrien untuk Minda.....	16
Bahasa Melayu di Persada Dunia.....	18
Evolusi Pembelajaran Sepanjang Hayat ..	20
Malaysia Membaca.....	22
Membawa Dunia ke Bilik Darjah.....	24
Jelajah Bahasa	26



TEMA 3 MEMETIK BINTANG..... 27

Kerjaya di Awan Biru	28
Saksi Senyap Rangkaian Misteri	30
Dari Titik ke Titik.....	32
Menjulung Potensi Diri.....	34
Harapan Setinggi Gunung.....	36
Penilaian	38

TEMA 4 MENJULUNG HARAPAN DI BUMI BERTUAH..... 43

Semerah Rozel	44
Terbaik dari Kolam.....	46
Realisasikan Impian.....	48
Serikandi Berjasa!.....	50
Sinar Baharu Penternak Jaya	52
Teka Silang Tarsia	54
Juadah Penambat Selera	55
Petua Nenek untuk Sihat	56

TEMA 1 MEREALISASIKAN IMPIAN..... 1

Kitalah Juara!.....	2
Menawan Samudera	4
Jutawan Sukan	6
Lautan Api Kurenangi.....	8
Tangan yang Menggoncang Dunia ..	10
Menyusuri Pulau Inspirasi	12

TEMA 5 MEMACU PRODUKTIVITI..... 57


Rumah Pasang Siap.....	58
Khazanah Hutan Bakau	60
Kek Aneka Rona	62
Menghadapi Rintangannya	64
Maju dalam Industri Mutakhir	66
Industri Kraf Tangan.....	68
Teka Silang Kata	69



TEMA 6

DUNIA PELANCONGAN 70

Malaysia Syurga Makanan	72
Tahan Menghijau	74
Warisan Dunia.....	76
Pelancong Hijau.....	78
Pos Kuala Mu.....	80
Komik Peribahasa.....	82
Sambil Menyelam Minum Air.....	83
Masa untuk Berlibur.....	84



TEMA 7

DEMI KEDAMAIAN 85

Muafakat Korporat	86
Jebak Digital	88
Geruh-gerah Badan Air.....	90
Gema Belantara.....	92
Tentang Bulan.....	94
Penilaian	96

TEMA 8

DALAM LIPATAN KENANGAN .. 101

Rumah Pusaka Sutan Mangatas	102
Darah Sateria	104
Sejarah Mendewasakan Kita	106
Tekstil Warisan.....	108
Tercatat dalam Sejarah	110
Ala, Emak Kahwinkan Aku!	112
Yang Lama Jangan Dilupakan.....	114



TEMA 9

SAYANGI MALAYSIAKU 115

Bukan Sebarang Seniman	116
Identitiku	118
Amalan Hidup Bermasyarakat	120
Menu Malaysia di Serata Dunia	122
Misi Kemanusiaan	124
Sebutir Permata Budaya	126
Amalan Hidup Bermasyarakat	127
Tiada Rintangangan dapat Menghalang ..	128



TEMA 11

EKONOMI DINAMIK, NEGARA BERWIBAWA 145

Belanjawan Dinamik.....	146
Mendung Beralih Jua	148
Tunaikan Tanggungjawabmu	150
Yakin, Pasti Boleh!	152
Simpan, Labur, dan Untung!.....	154
Tak Takut Rugi?.....	156
Manfaat Cukai	157

TEMA 10

BAHASA BUGAR, SASTERA KEKAR .. 129

Tukang Tulis	130
Sasterawan dari Utara	132
Bahasa Murni, Wajah Peribadi.....	134
Sastera untuk Masyarakat	136
Pencinta Bahasa	138
Penilaian	140



TEMA 12

ASLI DAN KONTEMPORARI .. 158

Ekspresi Diri	160
Asimilasi Seni	162
Indahnya Terapeutik	164
Dari Dapur Bonda	166
Hutan Kecilku	168
Kraf Malaysia	170
Duta Remaja Filharmonik.....	171

TEMA 13

SEGALANYA BERMULA DI SINI.. 172

Lubuk Akal, Tepian Ilmu	174
Patah Daggu Bertongkat Paruh.....	176
Kuasa Graviti.....	178
Panorama Diorama	180
Pulau 11 Gelaran.....	182
Penilaian	184

TEMA 14

SIHAT DAN BERSIH PILIHANKU.. 189

Ikhar Anda, Harapan Mereka	190
Mitos Perubatan.....	192
Vektor Pembawa Penyakit.....	194
Debu-debu di Udara	196
Marah, Jangan Engkau Marah.....	198
Wajah Dambaan Hati.....	200
Cegah sebelum Parah	201

TEMA 15

ANGIN PERUBAHAN MEMBADAI.. 202

Bahasa Alam	204
Futuris.....	206
Harga Teknologi	208
Makan Sains, Tidur Sains.....	210
Inovasi 5G	212
Biodiesel	214

TEMA 16

DIPIMPIN UNTUK MEMIMPIN 216

Belia Positif, Terserlah Wibawa	218
Mari Mengundi	220
Pemimpin Berkesan, Pencetus Kejayaan ..	222
Kecindan Pemimpin	224
Muafakat Serantau.....	226
Penilaian	228

Jawapan/Lampiran Pilihan.....	233
Glosari	245
Senarai Rujukan	247
Indeks	249
Skrip Pendengaran.....	251



Pendahuluan

Buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 4* ini menterjemahkan hasrat yang tercakup dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 4, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) melalui persembahan bahan berwarna-warni yang unik lagi menarik. Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis, Seni Bahasa, dan Tatabahasa yang tersenarai dalam DSKP disusun atur mengikut kesesuaian daripada tahap mudah kepada tahap sukar berdasarkan susunan tema dengan harapan kemahiran dan pengetahuan tersebut dapat dipelajari secara ansur maju.

Buku ini mengandungi bahan-bahan rangsangan daripada 16 tema yang mendasari pembelajaran yang berasaskan modul yang dipecahkan mengikut tiga kemahiran bahasa yang utama, seni bahasa, dan pengetahuan tatabahasa. Walaupun tema-tema ini adalah sama seperti buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 1*, *Bahasa Melayu Tingkatan 2*, dan buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 3*, namun skop bahan yang dipilih berbeza. Pemilihan bahan telah dibuat secara teliti dengan mengambil kira pelbagai faktor termasuk cita rasa kumpulan sasaran, kepentingan, keperluan, kesesuaian, kebolehbacaan, ketepatan, kesahan, variasi bahan, dan maklumat yang mendalam berdasarkan tajuk untuk memastikan bahan yang digunakan sebagai rangsangan mengikut piawai. Bahan-bahan juga diperolehi daripada pelbagai sumber, iaitu sumber sekunder melalui bacaan dan rujukan, manakala sumber primer melalui pemerhatian, kajian lapangan, dan wawancara.

Dari segi persembahan pula, bahan-bahan terpilih ini telah dipersembahkan dalam bentuk paparan halaman berkembar yang menarik, segar, lagi bergaya. Paparan halaman berkembar ini memudahkan sesuatu tajuk dipersembahkan secara mendalam melalui variasi teks dan grafik yang mempunyai tahap keterbacaan atau kemudahbacaan yang tinggi. Gabungan antara teks, audio, video, dan grafik dengan permainan warna yang dimanfaatkan sepenuhnya dalam setiap halaman mampu memberi murid pengalaman pembelajaran yang sangat berharga dan menyeronokkan. Grafik dan gambar beresolusi tinggi yang digunakan bukan sekadar hiasan kerana setiap satunya berfungsi dan membawa makna yang tersendiri walaupun grafik tersebut terletak di halaman rangsangan bagi setiap tema.

Teknologi *QR Code* juga digunakan khusus bagi memuatkan bahan bantu belajar kemahiran mendengar dan bertutur dalam bentuk audio dan video. Selain itu, *QR Code* ini juga digunakan bagi menampung maklumat tambahan dalam bentuk teks yang terdiri daripada nota tatabahasa, info bestari, jawapan latihan, dan lain-lain. Buku ini juga turut menggunakan teknologi *Augmented Reality (AR)* sebagai alat bantu dalam mengajar murid-murid. *AR* ialah teknologi yang menggabungkan dunia maya dengan nyata dalam bentuk 2D atau 3D. Dalam buku ini, *AR* yang digunakan adalah dalam bentuk video dan 3D bagi menarik minat murid mempelajari bahasa Melayu.

Untuk menjadikan buku teks ini lebih mesra pengguna, pernyataan Standard Pembelajaran (SP) disertakan pada sebelah kanan halaman untuk setiap kemahiran bahasa. Bahagian aktiviti pula terbahagi kepada dua. Aktiviti dengan tulisan yang berwarna hitam ialah aktiviti yang berkaitan dengan SP. Aktiviti yang dicadangkan ini berbentuk umum bagi membuka ruang kepada guru dan murid untuk menentukan strategi dan teknik yang hendak digunakan agar bersesuaian dengan minat, kecenderungan, kesediaan, keperluan dan perbezaan tahap murid serta prasarana yang ada. Aktiviti dengan tulisan berwarna biru pula ialah aktiviti tambahan untuk memperkaya pengalaman belajar selaras dengan konsep pembelajaran terbeza dan *flipped classroom*. Permainan bahasa yang kreatif, santai, dan berbentuk didik hiburan menjadi nilai tambah bagi buku ini.

Buku ini mengandungi bahagian bacaan luas, pemulihan, pengukuhan, pengayaan, dan penilaian. Untuk bahagian penilaian, kelima-lima penilaian mencakupi kesemua konstruk dan kemahiran yang penting. Penilaian ini juga ditampilkan dalam pelbagai stimulus dan bentuk penyolaan yang mendedahkan murid kepada kepelbagaian item termasuk item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Buku ini juga turut menampilkan ikon-ikon yang menarik untuk menjelaskan bahagian-bahagian tertentu. Ikon-ikon tersebut adalah seperti yang berikut:



Mendengar dan Bertutur

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Mengandungi 15 SP yang bermula dengan mendengar dan menyebut perkataan hingga bersola jawab, berbincang, berunding, merumus isu dan mengulas karya secara kritis dan rasional.



Aktiviti

Aktiviti

- Tulisan yang berwarna hitam ialah aktiviti yang berkaitan dengan SP.
- Tulisan yang berwarna biru ialah aktiviti tambahan bagi memperkaya pengalaman belajar.



KBAT

- Kemahiran ini penting dalam ciri pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 yang memberikan penekanan kepada kemahiran mengaplikasikan, menganalisis, menilai, dan mencipta. Walau bagaimanapun, kemahiran mengaplikasikan tidak dilabelkan kerana kemahiran mengaplikasikan hadir dalam kebanyakan modul.



Tahukah Anda


- Penyedai yang terdiri daripada maklumat tambahan umum tentang sesuatu perkara yang dipelajari.



Membaca

Kemahiran Membaca

- Kemahiran ini penting kerana maklumat yang dituturkan atau ditulis diperoleh daripada bacaan. Walaupun hanya mengandungi sembilan SP, kemahiran ini perlu diulang dan dipelbagaikan untuk memastikan murid benar-benar menguasai kemahiran membaca ini.



Menulis

Kemahiran Menulis

- Mengandungi 11 SP yang bermula dengan menerangkan makna kata hingga menulis karangan dengan wacana yang lengkap, membuat ringkasan, mengadaptasi sesuatu bahan prosa dan bahan grafik hinggalah kemahiran mengedit dan menyunting ayat dalam pelbagai teks.



Seni Bahasa

- Mengandungi lapan SP yang bermula dengan apresiasi karya prosa dan karya puisi, menggunakan bahasa kiasan dan peribahasa, menghasilkan cerpen dan puisi, seterusnya mempersembahkan karya prosa dan puisi secara kreatif dalam pelbagai aktiviti berbahasa.

Gabungan SP Seni Bahasa dan Tatabahasa

- Dua SP ini menggunakan bahan yang sama tetapi dilaksanakan pada masa yang berbeza (bukan secara penggabungjalinan).



Tatabahasa

- Mengandungi 11 SP yang bermula dengan pengetahuan dan pemahaman tatabahasa yang terdiri daripada kata nama, kata adjektif, kata tugas, kata kerja, kata ganda, kata terbitan, pelbagai frasa, hingga membina dan menukar struktur ayat serta menganalisis dan membetulkan tatabahasa.



Aktiviti Berkumpulan

- Aktiviti ini mencakupi perbincangan atau percambahan minda. Murid akan saling belajar, malahan dapat belajar tentang nilai kerjasama dan semangat bekerja dalam pasukan serta melatih kemahiran memimpin.



Aktiviti Berpasangan

- Dijalankan untuk memastikan penglibatan yang aktif setiap ahli di samping menerapkan kemahiran berkomunikasi.





Pemulihan

– Aktiviti ini untuk membantu murid menguasai sesuatu kemahiran pada tahap minimum. Aktiviti yang disediakan lebih terpadu untuk merangsang kemahiran berfikir murid.




Penguakuan

– Aktiviti ini terdiri daripada latihan yang sama tetapi dalam bentuk dan konteks yang berbeza untuk memastikan murid mencapai tahap yang baik dalam satu-satu SP.



Pengayaan

– Aktiviti ini terdiri daripada latihan yang lebih tinggi daripada SP untuk memastikan murid benar-benar menguasai SP, malahan telah bersedia untuk mempelajari kemahiran dalam SP yang lebih mencabar.



Info Bestari

– Penyendal yang terdiri daripada nota-nota yang berkaitan dengan tatabahasa yang diajarkan dan maklumat tambahan bagi konsep yang diguna pakai dalam modul.



BIL.	ITEM	BAHAN A		BAHAN B		ALASAN
		SKALA				
		1	2	1	2	
1.	Bentuk paparan menarik minat pembaca.					
2.	Memberikan lebih banyak maklumat.					
3.	Lebih mudah difahami oleh pembaca.					
4.	Susunan maklumat mudah dibaca.					
5.	Memberikan ilmu baharu kepada pembaca.					

Borang Penilaian Kendiri

– Borang ini digunakan untuk SP 2.3.1 di halaman 36-37, halaman 60-61, dan halaman 74-75.



QR Code

- Imbas kod menggunakan gajet untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam bentuk video atau dokumen lain serta panduan menjawab soalan bagi menarik minat murid.



Penilaian

- Walaupun Pentaksiran Bilik Darjah dijalankan sepanjang sesi pembelajaran dan pemudahcaraan bagi setiap modul, aktiviti penilaian juga disediakan sebanyak lima kali selepas beberapa tema selesai diajarkan. Aktiviti penilaian ini terdapat dalam tema 3, 7, 10, 13, dan 16 menggabungkan beberapa SP yang telah diajarkan dalam bentuk penyediaan yang pelbagai mengikut kesesuaian bahan dan SP yang dinilai.



Bacaan Luas

- Bacaan luas ialah bacaan tambahan yang terdiri daripada pelbagai jenis bahan bagi mengukuhkan kemahiran membaca di samping memperkaya pengetahuan serta meluaskan horizon pemikiran murid.

Bacaan Luas



AR Code

- AR Code (Augmented Reality) ialah teknologi yang menggabungkan dunia maya dan nyata dalam bentuk 2D atau 3D. Imbas kod menggunakan gajet untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam bentuk video dan animasi bagi menarik minat murid.
- Ikon AR Code (Augmented Reality) boleh dimuat turun daripada aplikasi Play Store yang terdapat dalam telefon pintar (Android) dan aplikasi App Store yang terdapat dalam telefon pintar (iOS) dengan menaip perkataan AR Bahasa Melayu T4.

Sesuai dengan ciri pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, buku teks ini menjadikan aktiviti belajar bahasa lebih luwes, lebih aktif, mencabar kreativiti dan kemahiran berfikir, serta menyenangkan. Yang lebih utama, buku teks ini dapat membantu murid agar lebih yakin dan terampil berbahasa serta berupaya untuk berkomunikasi bagi memenuhi tuntutan diri dan negara.

Zanariah binti Abdol
Amir Hazlin bin Lin
Latifah binti Tarkep

Pemetaan Kandungan

Bil.	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Halaman
KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR			
1.	1.1	1.1.1	3, 17
		1.1.2	9, 23
2.	1.2	1.2.1	29, 51
3.	1.3	1.3.1	45, 109
		1.3.2	59, 87
4.	1.4	1.4.1	73, 181
		1.4.2	65, 79, 93
5.	1.5	1.5.1	103, 197
		1.5.2	117, 137
		1.5.3	35, 131, 153
6.	1.6	1.6.1	123, 147
7.	1.7	1.7.1	161, 211
		1.7.2	169, 175
8.	1.8	1.8.1	191, 219
		1.8.2	205, 225

Bil.	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Halaman
KEMAHIRAN MEMBACA			
1.	2.1	2.1.1	5, 25
		2.1.2	11, 49
2.	2.2	2.2.1	19, 31, 47, 81
3.	2.3	2.3.1	37, 61, 75
		2.3.2	89, 105
		2.3.3	111, 119, 133
		2.3.4	149, 163, 213
		2.3.5	177, 193
4.	2.4	2.4.1	139, 155, 183, 207, 221
KEMAHIRAN MENULIS			
1.	3.1	3.1.1	7
2.	3.2	3.2.1	21, 33
3.	3.3	3.3.1	53, 63
4.	3.4	3.4.1	67
		3.4.2	77, 91
		3.4.3	95
		3.4.4	107
		3.4.5	121, 151
5.	3.5	3.5.1	135, 167, 223
		3.5.2	165, 179, 199
6.	3.6	3.6.1	125, 195, 209, 227

Bil.	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Halaman
ASPEK SENI BAHASA			
1.	4.1	4.1.1	11, 21
		4.1.2	33, 51
2.	4.2	4.2.1	65, 75
3.	4.3	4.3.1	93, 109
		4.3.2	135, 151
4.	4.4	4.4.1	121, 167
		4.4.2	177, 197
		4.4.3	207, 221
ASPEK TATABAHASA			
1.	5.1	5.1.1	5
		5.1.2	25
		5.1.3	37
2.	5.2	5.2.1	49
		5.2.2	61, 77
		5.2.3	89
		5.2.4	105, 119, 139
3.	5.3	5.3.1	155
		5.3.2	169
		5.3.3	181, 193
		5.3.4	213, 223

Aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21

1. Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Proses mencari dan menyiasat masalah, membina hipotesis, mereka bentuk eksperimen, mengumpulkan data, dan membuat kesimpulan untuk menyelesaikan masalah.

PENGLIBATAN

- Mewujudkan persekitaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang menarik minat murid.
- Merangsang perasaan ingin tahu.
- Menimbulkan soalan/maklum balas.
- Mencungkil pengetahuan sedia ada.

PENERANGAN

- Menggalakkan murid mendefinisikan konsep menggunakan perkataan sendiri.
- Memberikan input bagi menyemak pemahaman konsep yang telah dibentuk oleh murid.
- Mentaksir peningkatan pemahaman murid.

PENGEMBANGAN

- Memastikan pemahaman tidak terkeluar daripada definisi dan konsep asal.
- Menggalakkan murid mengaplikasikan konsep asal dan kemahiran dalam situasi baharu.

PENEROKAAN

- Menggalakkan murid bekerjasama.
- Memerhatikan dan mendengar interaksi murid.
- Membimbing murid dengan soalan dari semasa ke semasa.
- Memberikan ruang untuk penerokaan.
- Merujuk kepada pakar.

PENILAIAN

- Memastikan tidak terkeluar daripada definisi dan konsep asal.
- Menggalakkan murid mengaplikasikan konsep asal dan kemahiran dalam situasi baharu.



2. Pembelajaran Berasaskan Projek

Murid mengkaji sesuatu isu atau topik secara mendalam bagi menghasilkan sesuatu produk.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Murid bekerja secara kolaboratif, berkomunikasi, dan menajankan pemikiran kritis dan kreatif dalam situasi yang sebenar. Murid berpeluang meningkatkan kemahiran 4K melalui penilaian sendiri.

MEMBINA SOALAN UTAMA

Membentuk soalan bersifat provokatif, terbuka, dan berkaitan dengan perkara yang perlu dipelajari oleh murid untuk memberikan tujuan dan cabaran kepada murid.

MAKLUM BALAS DAN SEMAKAN

Murid memberikan pandangan berdasarkan “exemplar” dan rubrik untuk menambah baik hasil produk. Pandangan daripada pakar juga digalakkan.

SUARA DAN PILIHAN MURID

Murid menentukan tajuk, soalan utama, sumber, dan produk yang akan dihasilkan bermakna kepada mereka.

PEMBENTANGAN PRODUK

Murid membentangkan produk dan membuat refleksi tentang produk kepada audiens.

INKUIRI DAN INOVASI

Bimbing murid untuk membina lebih banyak soalan berdasarkan soalan utama, membuat hipotesis, dan terbuka kepada idea.

3. Pembelajaran Berasaskan Masalah

Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang mencabar pemikiran murid untuk menyelesaikan masalah berdasarkan situasi sebenar.



Teknik Bacaan

KWLH

Maksud KWLH		
K	<i>Know</i>	Perkara yang sudah diketahui sebelum membaca.
W	<i>What</i>	Perkara yang hendak diketahui sebelum membaca.
L	<i>Learned</i>	Perkara yang dipelajari selepas membaca.
H	<i>How</i>	Cara untuk mendapat maklumat tambahan yang ingin diketahui (melalui bacaan seterusnya).

Langkah KWLH

- Catat maklumat di dalam lajur K carta KWLH berdasarkan tajuk dan subtajuk dalam teks.
- Bina soalan mengenai maklumat yang ingin diketahui tentang tajuk tersebut di dalam lajur W.
- Murid melakukan pembacaan. Semasa dan selepas membaca teks, murid mengisikan maklumat ke dalam lajur L.
- Jika tidak semua jawapan bagi soalan di dalam lajur W terdapat dalam teks (Lajur L), catat maklumat yang tidak terjawab di dalam Lajur H berserta dengan cadangan sumber untuk mendapatkan jawapan.

K (Yang Diketahui)	W (Ingin Diketahui)	L (Dipelajari)	H (Bagaimana)

CHATT

Maksud CHATT		
C	<i>Circle</i>	Bulatkan kata kunci.
H	<i>Highlight</i>	Serlahkan atau garisi idea penting.
A	<i>Asterisk^(*)</i>	Tandakan ^(*) pada isi sampingan/sokongan.
T	<i>Transfer</i>	Pindahkan maklumat ke dalam borang CHATT.
T	<i>Teacher</i>	Guru memberikan rumusan tentang rekod murid di dalam borang CHATT.

QUACK

Teknik ini menggalakkan pembacaan secara aktif kepada teks yang berbentuk fakta, membuat pertimbangan terhadap maklumat, dan menandakan maklumat yang tertentu.

Maksud QUACK		
Q	<i>Question mark (?)</i>	Letakkan tanda soal (?) pada perkataan, rangkai kata, dan idea yang kabur serta tidak difahami.
U	<i>Underline</i>	Garisi takrif.
A	<i>Asterisk^(*)</i>	Letakkan tanda asterisk (*) pada maklumat atau idea yang penting atau menarik.
C	<i>Circle</i>	Bulatkan fakta dan definisi penting.
K	<i>Keyword</i>	Letakkan huruf besar K di sebelah kata kunci (biasanya berhuruf tebal atau condong).


ACID

Teknik ini menggalakkan pembaca membaca teks secara aktif. Interaksi dan fokus pembaca terhadap teks dikekalkan kerana pembaca perlu membuat pertimbangan tentang bentuk dan maklumat yang dibaca.

Maksud ACID		
A	<i>Agree</i>	Bersetuju
C	<i>Confusing</i>	Mengelirukan
I	<i>Interesting</i>	Menarik
D	<i>Disagree</i>	Tidak bersetuju

SQ4R

Teknik ini mempunyai enam langkah, iaitu meninjau, menyoal, membaca, mencatat, menyatakan kembali, dan membuat refleksi.



Bersiap sedia sebelum membaca - prabaca (Meninjau, Menyoal)

Melibatkan diri semasa bacaan - sambil membaca (Membaca, Mencatat)

Memberikan reaksi selepas bacaan - (Menyatakan kembali, Membuat refleksi)

Preview	ReQuest
<p>Prosedur <i>Preview</i> (membaca untuk mendapatkan gambaran awal)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perkenalkan murid kepada teks. 2. Membaca teks secara sepintas lalu. 3. Membaca teks secara imbasan. 4. Menyenaraikan atau membincangkan kandungan teks. 5. Membaca teks sepenuhnya. <p>Langkah pelaksanaan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru memperkenalkan murid kepada teks yang akan dibaca pada hari tersebut. 2. Murid membaca teks tersebut secara sepintas lalu untuk mendapatkan gambaran umum. 3. Murid membaca teks secara imbasan untuk mencari maklumat yang tertentu. 4. Murid menyenaraikan atau membincangkan apa-apa yang diketahui oleh mereka tentang teks setelah membacanya secara sepintas lalu dan imbasan. 5. Murid membaca teks sepenuhnya. 	<p>Prosedur <i>ReQuest</i> (membaca untuk membuat ramalan)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru dan murid membaca sebahagian daripada teks. 2. Guru menutup teks, murid bertanya. 3. Murid menutup teks, guru bertanya. 4. Meramalkan maklumat lanjut dalam teks. 5. Ramalan yang tidak tepat, ulang semula langkah 1- 4. 6. Perbincangan mengenai teks. <p>Langkah pelaksanaan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru dan murid bersama-sama membaca sebahagian daripada teks. 2. Guru menutup teks yang dibacanya dan murid diminta mengemukakan soalan berkaitan dengan teks yang tidak difahami. 3. Murid pula menutup teks yang dibacanya dan guru mengemukakan soalan berdasarkan teks. 4. Guru memandu murid untuk meramalkan maklumat lanjut yang akan ditemui daripada teks. 5. Murid dibenarkan meneruskan pembacaan secara senyap jika ramalan mereka yang berkaitan dengan teks adalah betul. Jika ramalan mereka salah, maka ulang semula langkah 1- 4. 6. Murid berbincang mengenai teks dan saling bertukar pandangan mengenai jawapan soalan.

Antara sukan, seni, dengan jati diri
Memaknakan manusiawi
Mengharmonikan fizikal, mental, dan emosi.



TEMA 1

MEREALISASIKAN IMPIAN

1. Mengapakah pasukan sorak penting dalam sesuatu acara sukan?
2. Apakah yang anda tahu tentang kepentingan sukan air?
3. Mampukah sukan menjanakan pendapatan yang lumayan?
4. Bolehkah wanita berjaya dalam sukan? Mengapa?





Kitalah Juara!



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Dengar dan kenal pasti perbezaan sebutan perkataan, rangkai kata, istilah, dan ungkapan dalam bahan dengan jelasnya dan betulnya. Kemudian, persembhkannya mengikut kreativiti anda.
2. Kemukakan pendapat anda tentang pasukan sorak.
3. Cipta sorakan untuk rumah sukan anda dan persembhkannya.

Sorak-sorai Semangat

Acara merentas desa dan sukantara memulakan kalendar sukan sekolah. Sehubungan dengan itu, pasukan sorak murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jaya mulai mencipta lirik dan lagu sorak bagi membangkitkan semangat juang atlet rumah sukan masing-masing.

Suria Bangkit demi Juara

Suria
Suria pantang kalah
Putih tulang jangan putih mata
Ayuh, bangkit semula!
Gagah
Usaha tangga jaya semua.
(ulang)

Suria! Suria! Suria! Suria!
Oh...!



Buana Terus Mara

Rumah Buana
Bagai aur dengan tebing
Kami semua berusaha
Berlari sini sana
Untuk Buana tercinta.
Kami semua rumah Buana
Sedia merebut piala
Nombor satu milik Buana
Kami pasti terus mara.
Oh... Oh... Oh... Oh...
Oh... Oh... Oh... Oh...

Kami Segara

Kami Segara
Onak dan duri pasti ditempuhi.
Kami Segara
Bak kesateria gagah berani.
Kami Segara
Bisa berlari di lautan berapi.
Kami Segara
Di puncak jaya Segara berdiri.
Segara! Segara! Segara! Segara!

TEMA 1

Merealisasikan Impian





Purnama Bunga Bangsa

Jikalau takut dilambung ombak
Jangan berani melawan Purnama
Lebih baik diam seribu bahasa
Rumah Purnama semua bunga bangsa.

Siapa suruh melawan Purnama?
Huha!
Siapa suruh melawan Purnama?
Huha!

TEMA 1

Merealisasikan Impian



"Bayangkan suatu temasya sukan, sunyi sepi tanpa sorakan. Sudah pasti amat membosankan. Oleh itu, pasukan sorak memang relevan. Setiap pasukan akan memastikan atlet yang disokong berjuang *agi idup agi ngelaban* dengan sorak-sorai yang menggabungkan gerakan badan dengan seruan dan ungkapan pembakar semangat. Sorak-sorai yang kreatif dan mempunyai unsur kecindan pula begitu menghiburkan sekali."

– **Cikgu Hasanah binti Ahmad,**
Guru Penasihat Kelab Bola Jaring.



"Mengambil contoh sukan bola sepak, antara slogan yang agak popular ialah *Luaskan Kuasamu Johor, Ngap Sayot Bujang Senang, dan Kejor Yob Kejor*. Menyaksikan sorakan peminat dan penyokong sukan bola sepak yang menggegarkan stadium merupakan pengalaman yang mampu meremangkan bulu roma."

– **Encik Pochitraan a/I Nanda Kumar,**
Peminat sukan.

1.1.1 Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan sebutan perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan jelas dan betul.



Menawan Samudera



Aktiviti

1. Baca syarahan dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar.
2. Kenal pasti bentuk kata tunggal dan kata majmuk. Kemudian, gunakannya dengan betulnya mengikut konteks.
3. Terokai maklumat lanjut tentang kepentingan sukan air kepada negara dan persembahkannya dalam bentuk syarahan.



Keputusan Sukan Air

Yang Berusaha, Tuan Haji Kuswandi bin Tayen, Pengetua, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jauhari, barisan guru penolong kanan, guru kanan mata pelajaran, guru cemerlang, guru-guru, dan rakan-rakan yang dikasihi. Bersempena dengan Hari Air Sedunia yang akan disambut pada 22 Mac setiap tahun, saya akan menyampaikan syarahan yang bertajuk, “Keputusan Sukan Air”.

Hadirin yang dihormati,

Aktiviti sukan, khususnya sukan air, merupakan suatu aktiviti yang sangat menyeronokkan. Saya percaya hadirin juga gemar berkelah dan bersantai di badan air seperti di tepi pantai, jeram, dan taman tema air, bukan? Namun, selain menghirup udara segar dan berenang di tepi pantai, pernahkah hadirin mengambil bahagian dalam

aktiviti sukan air, antaranya termasuklah luncur jet, luncur air, luncur angin, layar-layang, luncur udara, bersnorkel, mahupun selam skuba? Saya yakin bilangan yang pernah mencubanya boleh dikira dengan jari. Oleh itu, marilah sama-sama kita telusuri kepentingan sukan air kepada kita.

Hadirin yang dihormati,

Kebanyakan sukan air memerlukan stamina, kecergasan fizikal, dan kecerdasan mental selain kemahiran khusus tentang sukan tersebut. Kita ambil contoh aktiviti berkayak. Pengalaman menyusuri jeram yang deras mampu mempercepat pengeluaran adrenalina. Jantung juga akan berdegup kencang bagi menghantar oksigen ke seluruh bahagian tubuh.





Proses ini menyebabkan pembakaran lemak dalam badan berlaku. Hal ini menyebabkan peminat sukan air ini bukan sahaja kekal sihat, malahan memiliki berat badan yang ideal. Bagi mereka yang suka berenang pula, kajian yang dilakukan oleh penyelidik di Universiti South Carolina, Amerika Syarikat, mendapati bahawa jangka hayat perenang berkemungkinan lebih panjang berbanding dengan atlet lain seperti atlet olahraga.

Sukan air juga mampu memupuk nilai-nilai murni dalam diri. Oleh sebab kebanyakan sukan air ini melibatkan kemahiran menggunakan peralatan, peserta mestilah mematuhi arahan yang diberikan. Aspek keselamatan perlulah diutamakan. Bagi sukan air secara berkumpulan, berada di dasar laut dalam aktiviti selam skuba misalnya, sudah pasti akan

memupuk sikap saling mempercayai, persefahaman, dan perpaduan yang erat. Banyak lagi nilai murni lain yang dapat diterapkan antaranya termasuklah keberanian, yakin diri, dan menghargai masa. Pendedahan yang berterusan kepada sukan air ini berupaya untuk meningkatkan kualiti hidup.

Hadirin yang dihormati,

Ada banyak lagi kepentingan sukan air. Namun, disebabkan masa mencemburui kita, hanya setakat ini sahaja syarahan daripada saya. Saya berharap agar syarahan ini akan dapat membuka mata pelbagai pihak tentang tanggungjawab kita dalam memajukan sukan air demi faedah kita bersama. Akhir kata, "Majulah Sukan untuk Negara".

Sekian, terima kasih.

- 2.1.1 Membaca teks **syarahan** dan pidato dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar.
- 5.1.1 Mengenal pasti dan menggunakan bentuk kata tunggal dan kata majmuk dengan betul mengikut konteks.



Jutawan Sukan



1. Analisis maklumat dalam bahan dan kenal pasti kata, istilah, rangkai kata, dan ungkapan dengan betulnya mengikut konteks.
2. Bina ayat bagi membezakan makna kata, istilah, rangkai kata, dan ungkapan dengan betulnya mengikut konteks yang berbeza.
3. Terokai maklumat lanjut tentang e-sukan dan tulis laporan.

E-Sukan

E-sukan ialah suatu bentuk permainan video yang dipertandingkan dan dimainkan dengan penuh semangat kesukanan. E-sukan telah berkembang di serata dunia dan menjadi sumber pendapatan yang lumayan. Di Malaysia, e-sukan semakin popular dan negara kita telah pun melahirkan atlet e-sukan yang berdaya saing pada peringkat antarabangsa. Dalam sesi sembang santai atlet e-sukan dengan peminat, pelbagai cerita dan rahsia kejayaan mereka berjaya dicungkil.



**Chai Yee Fung
(Mushi)**


Jenis Permainan: *Multiplayer Online Battle Arena (MOBA)*. MOBA ialah permainan dengan misi utama untuk menerobosi kubu pertahanan dan menghancurkan markas lawan. Selain kecekapan individu dan semangat kerja berpasukan, daya fikir yang tinggi diperlukan untuk memperteguh pola pemikiran dalam merangka strategi yang berkesan. Antara permainan yang tersenarai sebagai permainan yang paling digemari ialah *Defense of the Ancients 2 (DOTA2)*.

Peminat: Benarkah atlet e-sukan mampu bergelar jutawan? Apakah komen saudara?

Sebenarnya, semakin besar pertandingan, wang terkumpul yang ditawarkan juga semakin besar. Ada pertandingan antarabangsa yang menawarkan wang terkumpul yang mencecah puluhan juta ringgit. Oleh itu, memang benarlah bahawa e-sukan mampu menjanakan pendapatan yang lumayan buat atlet sehingga mampu bergelar jutawan. Namun, yang lebih penting, atlet e-sukan perlu berdaya tahan dan berdaya maju untuk mencipta nama hingga peringkat antarabangsa seterusnya mengharumkan nama negara.

Peminat: Penglibatan saudara Ramona Azween dalam e-sukan ini pula bagaimana?

Pada awalnya, saya mendapat dorongan dan semangat daripada Allahyarham Zashafarez, bekas atlet yang juga abang saya. Kini, saya berasa kehadiran saya amat penting untuk memotivasikan lebih banyak pemain wanita agar lebih berjaya daripada saya. Oleh itu, ibarat belayar sambil memapan, saya turut membantu mereka di samping meneruskan latihan bagi memantapkan prestasi saya.



**Ramona Azween
binti Zaharuddin
(GFi)**

Jenis Permainan: *Counter Strike (1.6 and Global Offensive)*. Semasa pertandingan, dua pasukan yang terdiri daripada lima orang pemain akan berentap. Pasukan pertama yang memperoleh 16 mata akan dikira pemenang.

Peminat: Apakah pencapaian terbaik Saudara Nur Amirul?

Saya menjadi juara Asia Tenggara bagi *AGES 2016* dan *Cyberfest 2017*. Pada tahun 2018, saya menjuarai *Virtuelle Bundesliga Asia Tenggara* seterusnya mara ke pertandingan dunia di Jerman.



**Nur Amirul bin
Afandi (AmTuah)**

Jenis Permainan: *Fédération Internationale de Football Association 19 (FIFA 19)*. FIFA berasaskan permainan bola sepak, namun FIFA 19 mempunyai pelbagai mod permainan yang setiap satunya mempunyai ciri dan peraturan pertandingan yang berbeza.

Peminat: Pada pandangan Saudara Kathireswaran, apakah kriteria utama yang perlu ada pada atlet e-sukan?

Disiplin paling utama. Disiplin umpama akar tunjang. Yang kedua, amalkanlah gaya hidup sihat. Elakkan perkara yang menjejaskan kesihatan dan tumpuan seperti merokok. Yang ketiga ialah pendidikan. Pada pendapat saya, pendidikan sangat penting.



**Kathireswaran
a/l Sugumaran
(InFamous9)**

3.1.1 Menulis untuk membina ayat dengan membezakan makna kata, istilah, maksud rangkai kata, dan ungkapan dengan betul mengikut konteks.



Lautan Api Kurenangi



1. Dengar, fahami, dan tuturkan bahan dalam pelbagai ujaran dengan betulnya.
2. Terokai maklumat lanjut tentang panduan asas berenang dan laporkan secara lisan.

Jom Belajar Berenang

Peribahasa Melayu ada mengatakan, hendak belajar berenang, dapatkan itik, hendak belajar memanjat, dapatkan tupai. Sehubungan dengan itu, Kelab Renang dan Rekreasi Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jaya telah mengadakan Kursus Asas Berenang di bawah bimbingan Profesor Madya Dr. Tengku Fadilah binti Tengku Kamalden, Pensyarah, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang merupakan bekas perenang negara.



Para peserta dan para fasilitator kursus.

Persediaan sebelum Belajar Berenang



Pemerhatian di sekeliling badan air untuk mengenal pasti risiko.



Demonstrasi cara turun ke dalam air jika kedalaman air tidak diketahui.



Latihan bernafas di dalam air.



Latihan berjalan di dalam air.

Belajar Teknik Apungan



Demonstrasi apungan kelapa. Tangan mendapak kaki sambil menahan nafas. Biarkan badan terapung dengan sendirinya.



Demonstrasi apungan terlungkup. Tangan dan kaki didepangkan dalam keadaan otot relaks sambil menahan nafas.



Latihan apungan yang menggunakan botol plastik kosong. Kepit botol plastik kosong di ketiak, bukakan kaki sedikit dan relaks sambil terapung.



Latihan apungan bintang. Dalam keadaan telentang, kepala didongakkan sedikit. Tangan dan kaki didepangkan.



Tangan yang Menggoncang Dunia



1. Baca skrip drama dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai.
2. Kemukakan pandangan peribadi anda yang bersesuaian dengan persoalan yang terdapat dalam drama tersebut.
3. Sambung skrip drama ini dan persembahkannya mengikut kreativiti anda.

Bukan Halangan

Watak: Encik Aris (papa), Puan Ros (mama), dan Dahlia (anak)
Babak 1:

Di ruang tamu, Encik Aris, Puan Ros, dan Dahlia sedang serius berbincang.

Dahlia: Tolonglah papa, mama. Lia kata tak mahu, tak mahulah! Papa dan mama janganlah paksa-paksa Lia.

Puan Ros: Papa dan mama tak paksa pun. Kami cuma tak mahu Lia buat kerja separuh jalan. Lagipun, Lia sudah besar panjang. Takkanlah cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun.

Encik Aris: Dulu, Lia yang beria-ia hendak mewakili sekolah dalam permainan tenis. Sekarang sudah terpilih hingga peringkat kebangsaan, kenapa menolak?

Dahlia: Peperiksaan sudah dekatlah, papa. Lia tak mahu tertinggal pelajaran. Kalau gagal nanti, siapa yang akan dipersalahkan? Lia juga.

Puan Ros: Bukankah Cikgu Arman kata, kelas tambahan akan diadakan khas untuk Lia?

Dahlia: Mana cukup mama.

Encik Aris: Eh, prestasi Lia dalam peperiksaan baik-baik sahaja papa tengok! Kalau tak cukup, papa boleh carikan guru tuisyen.

Dahlia: Janganlah susah-susah sebab Lia, papa!

Puan Ros: Hairan betul mama. Lia berubah 360 darjah. Semasa pujuk mama dulu, Lia juga yang kata, banyak atlet wanita kita yang berjaya dalam sukan mahupun pelajaran. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Macam-macam peribahasa yang keluar. Sekarang apa sudah jadi?

Dahlia: (*Nada merungut*) Semasa mama tak izinkan dulu, mama juga yang kata, orang perempuan bersukan sana sini, akhirnya ke ceruk dapur juga.

Puan Ros: (*Nada merajuk*) Suka hati Lialah. Mama malas campur. Lia fikirlah sendiri.

(*Puan Ros mengeluh lalu bangun meninggalkan ruang tamu. Lia menyesal kerana membuat mamanya merajuk lalu menangis sambil menekup mukanya.*)

Encik Aris: (*Bangun dan duduk di sebelah Lia*) Cuba Lia beritahu papa, apa sebenarnya yang berlaku? Papa tahu, bermain tenis ialah kebahagiaan buat Lia. Mesti ada sesuatu. Beritahulah papa.

(Puan Ros secara diam-diam menghampiri mereka untuk mencuri dengar perbualan mereka.)

Dahlia: (Dalam esakan dan suara yang tenggelam timbul) Kawan-kawan ketawakan Lia. (Lia mengangkat muka lalu merenung sayu ke arah papa) Mereka kata ... mereka kata, muka Lia dah teruk terkena selaran matahari. Aduhai, malunya Lia!

(Encik Aris dan Puan Ros tertawa serentak. Dahlia terkejut lalu berhenti menangis. Mereka tiga beranak tertawa sambil berpelukan.)


Puan Ros: Lia, Lia, Lia! Lia tetap cantik di mata mama dan papa. Sebagai wanita, mama bangga kerana mempunyai puteri cantik yang bakal menggoncang dunia dalam bidang yang diminati.

Encik Aris: Bahkan anak perempuan kesayangan papa ini akan kelihatan bertambah cantik di mata semua rakyat Malaysia apabila berdiri di podium. Bayangkan, Lia menjulang Jalur Gemilang seperti atlet kebanggaan kita, Siti Rahmah binti Mohamed Nasir, Yap Khim Wen, dan Sivasangari a/p Subramaniam.

Dahlia: Terima kasih papa, terima kasih mama! Ya, Lia akan buktikan!



Siti Rahmah binti Mohamed Nasir
- Olahragawati Kebangsaan
2016 (Silat)



Yap Khim Wen
- Atlet Tae Kwan Do Negara



Sivasangari a/p Subramaniam
- Atlet Skuasy Negara



Menyusuri Pulau Inspirasi



1. Cari peta Tasmania dan kenal pasti lokasi tempat yang dinyatakan dalam bahan.
2. Terokai tempat-tempat menarik lain di Tasmania dan persembahkannya menggunakan peta tersebut.

TEMA 1

Merealisasikan Impian

Impian untuk menjelajahi Pulau Tasmania, sebuah negeri di Australia, akhirnya tercapai. Tasmania menjadi pilihan kerana alam semula jadinya yang indah dan masih dipertahankan oleh penduduk setempat. Tasmania dikenali sebagai “Negeri Semula Jadi” dan “Pulau Inspirasi” kerana mempunyai banyak taman serta Tapak Warisan Dunia yang mesti dilawati. Setiap satunya menawarkan keindahan dan keistimewaan yang tersendiri termasuk peluang untuk bertemu dengan mergastua Australia seperti kanggaru, wombat, dan walabi di habitat semula jadinya.

Untuk ke Tasmania, saya dan rakan-rakan mengambil penerbangan antarabangsa dari Kuala Lumpur ke Melbourne. Kemudian, perjalanan diteruskan ke Hobart, iaitu ibu negeri Tasmania melalui penerbangan domestik. Di Hobart, kami menginap di rumah inap milik pasangan suami isteri Melayu yang telah bermastautin di Tasmania sejak sekian lama. Rumah inap tiga bilik yang lengkap dengan perabot dan peralatan

memasak menyebabkan kami tidak terasa seperti berada di luar negara.

Keesokan harinya, pengembaraan kami dari Hobart ke Cradle Mountain pun bermula. Dek belum tahu di masin garam, saya membayangkan Tasmania sebagai negeri yang masih kurang maju. Namun, bayangan itu lenyap tatkala kami semakin jauh meninggalkan Hobart. Bukan sahaja lebuh raya dan jalan rayanya berkeadaan baik, malahan papan tandanya sangat jelas, tandas awamnya bersih, dan pusat khidmat untuk pelancong yang cekap ada di setiap bandar yang dilalui.

Kami tiba di Cradle Mountain Discovery Park pada lewat petang kerana asyik berhenti di tempat-tempat menarik sepanjang perjalanan. Kami menyewa kabin dua bilik yang dibina di dalam kawasan hutan yang masih terpelihara. Papan tanda di dalam bilik yang mengingatkan kami agar menutup pintu dan tingkap dengan rapatnya menimbulkan tanda tanya tentang jenis binatang yang akan menjadi tetamu jika kami mengabaikannya.

Keesokan harinya, pagi-pagi lagi kami sudah bersiap sedia dengan pakaian yang sesuai untuk aktiviti utama kami, iaitu merentasi hutan. Bak orang mengantuk disorongkan bantal, hasrat kami untuk



memasuki taman negara, menjadi lebih mudah dengan adanya bas pelancong.

Terdapat 11 laluan hutan di taman negara dan Tapak Warisan Dunia ini, antaranya ialah King Billy Walk, Knyvet Falls, Weindorfers Forest Walk, Ronny Creek to Dove Lake, dan Dove Lake Circuit. Disebabkan kekangan masa, laluan hutan di hentian bas nombor 4, iaitu Weindorfers Forest Walk menjadi pilihan kami semua.

Setibanya di hentian bas nombor 4, kami turun dari bas lalu ke pondok pendaftaran untuk merekodkan butiran diri di dalam buku yang disediakan. Setelah itu, kami hanya mengikut pelancong lain menyusuri laluan ke sebuah bukit yang mengambil masa 30 minit. Laluan ini agak mudah dan tidak begitu mencabar, namun terasa letihnya kerana terpaksa berjalan laju bagi mengejar pelancong lain. Akhirnya, kami berpecah daripada mereka lalu berjalan santai mengikut keupayaan sendiri sambil menikmati keindahan flora dan fauna di sepanjang laluan.

Keasyikan menikmati dan merakamkan keindahan pemandangan menyebabkan kami mengambil masa 90 minit untuk berkumpul semula. Dari hentian 4, kami menaiki bas pelancong untuk ke Dove Lake pula. Setibanya di situ, hati kami melompat

kegirangan saat terlihat pemandangan yang amat menakjubkan terbentang luas di hadapan kami. Pemandangan Dove Lake begitu indah kerana berlatarbelakangkan Cradle Mountain yang berdiri gagah.

Di Dove Lake ini juga ada beberapa laluan kembara. Namun, kami hanya menghabiskan masa kira-kira 20 minit yang berbaki untuk berjalan-jalan di tepi tasik sambil menghirup udara gunung yang amat segar lagi dingin. Begitu berat rasanya hendak melangkah kaki meninggalkan tasik dan Taman Warisan Dunia di Cradle Mountain yang menyimpan 1001 misteri ini. Namun, keterujaan untuk menyaksikan keindahan laluan hutan Cataract Gorge di Launceston dan keunikan Taman Negara Freycinet menyebabkan kami menggagahkan diri untuk melangkah pergi.

Semoga jumpa lagi Cradle Mountain!



Ilmu itu pelita hati
Penyuluh jalan kegelapan
Orang berilmu dihormati
Dikasihi orang setiap masa
Ilmu ada di mana-mana
Asal saja rajin mencarinya.



TEMA 2

INSAN TERDIDIK, NEGARA SEJAHTERA

1. Apakah makanan yang sesuai untuk minda?
2. Bagaimanakah konsep bilik darjah masa hadapan?
3. Di negara manakah bahasa Melayu diajarkan sebagai bahasa asing?
4. Adakah Kuala Lumpur sesuai sebagai Kota Buku Dunia? Berikan alasan.





Mendengar
dan Bertutur

Nutrien untuk Minda



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, dengar dan kenal pasti perkataan yang berbeza sebutan. Kemudian, ujkarkan ayat yang menggunakan perkataan tersebut.
2. Kenal pasti rangkai kata, istilah, dan ungkapan yang terdapat dalam bahan dan gunakannya dalam perbualan.
3. Terokai perkataan-perkataan lain yang berbeza sebutan dan bina dua ayat yang menunjukkan perbezaan makna dengan perkataan tersebut.

Makanan Sihat, Otak Cerdas

TEMA 2

Insan Terdidik, Negara Sejahtera

Makanan untuk Meningkatkan Keupayaan Ingatan




Info Bestari

Terdapat dua perbezaan sebutan perkataan, iaitu:

1. Perkataan yang ejaannya sama tetapi sebutannya berbeza (homograf).
Contoh:
perang (pertempuran)
perang (warna)
2. Perkataan yang ejaannya berbeza tetapi sebutannya hampir sama (homofon).
Contoh:
bang
bank

Otak akan bekerja lebih lancar dan berkesan dengan bantuan vitamin. Yang berikut ialah vitamin yang diperlukan untuk memelihara dan meningkatkan keupayaan otak.



1.1.1 Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan sebutan perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan jelas dan betul.



Bahasa Melayu di Persada Dunia



1. Baca bahan dengan telitinya. Kemudian, kenal pasti dan jelaskan maklumat yang terkandung dalam bahan tersebut.
2. Berdasarkan bahan, huraikan pandangan anda tentang pengajaran bahasa Melayu di luar negara.
3. Lakonkan aktiviti promosi untuk menggalakkan murid mempelajari bahasa asing dengan menggunakan bahasa yang menarik.

Soal Jawab dengan Profesor Dr. Kyoko Funada



Di manakah program bahasa Melayu ditawarkan di negara Jepun? Berapakah bilangan institusi yang terlibat?

Setsunan University di Osaka dan Tokyo University of Foreign Studies di Tokyo ada menawarkan jurusan Bahasa Melayu. Selain itu, terdapat kira-kira 20 universiti lain mengajarkan bahasa Melayu sebagai bahasa asing untuk mata pelajaran pilihan. Lebih kurang 10 buah sekolah juga mempunyai mata pelajaran Bahasa Melayu.

Sejak bilakah program bahasa Melayu dijalankan?

Program bahasa Melayu telah bermula sejak tahun 1908, iaitu di sekolah bahasa asing, Tokyo Gaikoku-Go Gakko.

Apakah yang dipelajari oleh mereka berkaitan dengan bahasa Melayu?

Pelajar di sini mempelajari pelbagai aspek bahasa. Antaranya termasuklah tatabahasa, membaca, mendengar, dan berbicara. Mereka juga belajar tentang budaya, kesenian, sosial, politik, ekonomi, antropologi, dan geografi Malaysia.

Apakah aktiviti berbahasa Melayu yang dijalankan?

Banyak aktiviti bahasa yang dijalankan seperti pertunjukan sandiwara dan pertandingan pidato bahasa Melayu.

Mengapakah pelajar suka mempelajari bahasa Melayu? Apakah pula kesannya?

Pelajar sangat suka belajar bahasa Melayu kerana mereka ingin tahu tentang Malaysia. Kesannya, hubungan antara Jepun dengan Malaysia menjadi lebih dekat dan akrab. Selain itu, pengetahuan tentang Malaysia diperdalam. Mereka juga mudah mendapat rakan yang berbangsa Melayu.

Apakah harapan Dr. tentang pengajaran bahasa Melayu di Jepun?

Sampai sekarang tidak begitu ramai orang Jepun yang mempelajari bahasa Melayu. Semoga institusi yang mengajarkan bahasa Melayu di Jepun akan bertambah, dan makin ramai orang Jepun mempelajarinya supaya hubungan persahabatan antara Jepun dengan Malaysia menjadi lebih erat dan akrab.

Saya berkata demikian kerana bilangan pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebelum Perang Dunia Kedua ramai tetapi jumlahnya merosot selepas itu. Buat masa ini, di Kanda University of International Studies terdapat sekitar 140 pelajar mempelajari bahasa Melayu pada setiap tahun. Saya berharap jumlah ini akan bertambah.



Bahasa Melayu Mekar di Bumi Uzbekistan

Nama penuh saya ialah Erkin Bekkulov Raimovich dan saya berbangsa Uzbek. Saya berasal dari Uzbekistan. Saya mengikuti pengajian pada peringkat sarjana muda pada tahun 2008 hingga 2013 dan sarjana pada tahun 2013 hingga 2015 di Tashkent State Institute of Oriental Studies (TSIOS).

Sejak tahun 2013, saya mula menjadi guru Bahasa Melayu di Uzbekistan State University of World Language. Perkhidmatan saya di universiti tersebut tamat pada tahun 2018. Setelah tamat pengajian sarjana pada tahun 2015, saya menjadi guru Bahasa Melayu di universiti yang sama dengan tempat saya belajar, iaitu TSIOS.

Mengapakah saya berminat mempelajari bahasa Melayu? Sejujurnya bahasa ini lebih mudah dipelajari berbanding dengan bahasa asing yang lain. Terdapat beberapa persamaan antara bahasa Melayu dengan bahasa Uzbek, terutamanya bagi kata pinjaman daripada bahasa Arab dan bahasa Parsi. Selain itu, saya juga tertarik untuk mendalami bahasa Melayu kerana bahasa Melayu masih belum terkenal



di rantau Asia Tengah jika dibandingkan dengan bahasa Asia yang lain. Antaranya termasuklah bahasa Cina, bahasa Korea, dan bahasa Jepun.

Saya berpendapat bahawa bahasa Melayu ialah bahasa yang menarik. Sebagai contoh, dalam tatabahasa bahasa Melayu, penggunaan kata kerjanya tidak berubah mengikut masa. Kata kerja yang sama boleh digunakan tanpa mengira masa lalu, masa sekarang, atau masa hadapan. Para pelajar saya kadang-kadang terkejut kerana ada perkataan dalam bahasa Melayu yang sama dengan bahasa Uzbek. Antaranya seperti perkataan dunia, sabun, dan alam.

Berkenaan dengan TSIOS pula, universiti yang ditubuhkan pada tahun 1991 ini ialah sebuah institusi pengajian tinggi awam milik kerajaan Uzbekistan yang memberikan fokus kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Asia. Sambutan pelajar Uzbekistan terhadap bahasa Melayu di sini amat menggalakkan dan mereka komited untuk bertutur serta menulis dengan baiknya dalam bahasa Melayu.

Harapan saya, pelajar yang mempelajari bahasa Melayu di sini turut mendalami budaya, sastera, dan sejarah Malaysia. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana ada universiti di Malaysia yang menghantar tenaga pengajar ke sini untuk membantu kami dalam pengajaran bahasa Melayu.



2.2.1 Membaca, mengenal pasti dan menjelaskan maklumat tersurat dan tersirat dengan betul daripada pelbagai bahan primer.



Menulis



Seni Bahasa

Evolusi Pembelajaran Sepanjang Hayat



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, tulis ramalan tentang cara manusia menuntut ilmu pada masa hadapan dengan memberikan justifikasi yang sesuai.
2. Sampaikan pandangan peribadi anda berdasarkan bahan.
3. Terokai maklumat lanjut berkaitan dengan persekolahan alternatif di Malaysia dan bantangkan maklumat tersebut.

Berguru dengan Aria Putera

Maka Hang Tuah pun bangkit sujud pada kaki Aria Putera; maka Aria Putera pun berjalan ke rumahnya diiringkan oleh Hang Tuah dan Hang Jebat dan Hang Kasturi dan Hang Lekir dan Hang Lekiu. Setelah sampai ke rumahnya, maka oleh Hang Tuah madu dan buah maja yang dibawanya itu pun dipersembahkan pada Aria Putera.


Maka hari pun malamlah. Maka dilihat oleh Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu suatu hidangan datang-datang terletak di hadapan Aria Putera itu. Maka kata Sang Aria Putera, “Hai cucuku kelima, makanlah barang yang hadirnya, kerana aku orang miskin.” Maka Hang Tuah pun menyembah, seraya dibukanya hidangan itu dilihatnya di dalam hidangan itu lengkap pelbagai nikmat. Setelah sudah, maka kata Sang Aria Putera, “Apa kehendak cucuku berlima telah kuketahui. Ada pun cucuku kelima ini akan diperhamba raja dan jadi pegawai besar di Tanah Melayu, tetapi banyak orang besar-besar sakit hati lagi dengki akan cucuku.” Maka ditunjukkan pada Hang Tuah, katanya, “Tidak mengapa kerana cucuku orang benar. Ketiganya cucuku akan digelar raja.”

Maka Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun diajarnya oleh Aria Putera, bagai-bagai ilmu isyarat hulubalang dan firasat dan ilmu perajurit, tetapi lebih juga Hang Tuah diajarnya barang ilmu dan isyarat. Setelah sudah, maka Aria Putera pun berpesan pada Hang Tuah, “Hai cucuku, jika engkau pergi ke Majapahit kelak, jangan tidak engkau berguru pada saudaraku bernama Sang Persata Nala itu, terlalu banyak tahunnya daripada aku. Ia menjadi ajar-ajar, tiada ia merasai dunia. Bermula banyak.” Maka sembah Hang Tuah, “Baiklah, tuanku, sebala tuanku hambamu junjung, kerana hambamu lima saudara ini sudahlah menjadi hamba di bawah khadam tuanku.” Maka Hang Tuah pun duduklah berhambakan dirinya kelima bersahabat di bukit itu pada Aria Putera itu.

(Sumber: Dipetik daripada *Hikayat Hang Tuah*, diselenggarakan oleh Kassim Ahmad, 1997, Dewan Bahasa dan Pustaka)



Pendidikan Tanpa Batasan



Muzik pembukaan.

Kesan bunyi: *Bunyi air memasuki mesin basuh.*

Naufal: Wah, pandai engkau membaiki mesin basuh! Engkau belajar daripada siapa, Fairus?

Fairus: Aku belajar melalui *Youtube* saja, Naufal.

Naufal: Bagus, Fairus. Cara belajar telah berubah. Zaman Tuk Nadur berkajang kain dulu kita perlu berdepan dengan guru untuk belajar.

Fairus: Sekarang, melalui media sosial dan sidang video pun orang boleh belajar. Walau bagaimanapun, sekolah, kolej, dan universiti masih diperlukan. Belajar melalui Internet ini hanya untuk menambahkan ilmu dan kemahiran sahaja.

Naufal: Betul, tetapi aku dengar ada ibu bapa yang tidak menghantar anak ke sekolah. Anak mereka belajar di rumah sahaja.

Fairus: Oh, itu bukan disengajakan, Naufal! Anak mereka mungkin menghadapi masalah kesihatan yang kronik dan memerlukan penjagaan yang rapi. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian Pendidikan membenarkan penjaga melaksanakan pendidikan di rumah tetapi mereka tetap terikat dengan kurikulum kebangsaan.

Naufal: Baru aku faham, Fairus. Untungnya kita berada di Malaysia kerana semua golongan boleh menerima pendidikan secara formal. Misalnya, untuk golongan kurang upaya, ada sekolah khas untuk mereka.

Fairus: Bukan itu sahaja, Naufal. Kerajaan juga menyediakan kemudahan belajar di penjara dan hospital. Murid yang menghadapi masalah kesihatan boleh mengikuti Program Sekolah dalam Hospital. Remaja yang sedang menjalani hukuman penjara pula boleh mengikuti persekolahan formal di sekolah integriti di penjara.

Kesan bunyi: *Motosikal datang dan enjin motosikal dimatikan.*

Fariza: Assalamualaikum. Eh, Abang Naufal pun ada!


Fairus: Waalaikumussalam. Fariza dari mana?

Fariza: Saya dari Kolej Komuniti. Kursus membuat roti dan kek telah dibuka semula di Kolej Komuniti. Bukankah Abang Fairus berminat untuk menyertainya?

Fairus: Ya, memang abang berminat! Kalau engkau berminat, Naufal, boleh turut serta sekali.

Naufal: Hmm ... Boleh juga, Fairus. Sekurang-kurangnya masa cuti aku terisi juga.

Muzik penutupan.



3.2.1 Menulis untuk meramal sesuatu perkara yang **dibaca, didengar** dan ditonton dengan memberikan justifikasi menggunakan ayat yang gramatis.

4.1.1 Memahami dan mengapresiasi prosa moden dan prosa tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya.



Langkah-langkah untuk membuat ramalan adalah seperti yang berikut:

1. Baca bahan dengan menggunakan teknik *Request*.
2. Kenal pasti dan analisis maklumat lalu yang berkaitan dengan perkara yang hendak diramal.
3. Berdasarkan maklumat tersebut, nilai dan tentukan perubahan yang mungkin berlaku pada masa hadapan.
4. Tulis ramalan tersebut dengan jelasnya dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami.



Malaysia Membaca



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Dengar bahan dengan telitinya dan huraikan impak pengiktirafan Kuala Lumpur sebagai Kota Buku Dunia.
2. Berbuallah dengan rakan anda tentang aktiviti-aktiviti yang diadakan semasa program Kota Buku Dunia.
3. Cadangkan aktiviti galakan membaca yang boleh diadakan di sekolah anda.

Kuala Lumpur, Kota Buku Dunia

TEMA 2

Insan Terdidik, Negara Sejahtera



Kuala Lumpur telah dinobatkan sebagai Kota Buku Dunia pada tahun 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang juga dikenali sebagai *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO). Dengan slogan “KL Baca: Menyantuni Masyarakat Melalui Pembacaan”, pengiktirafan ini diharap akan dapat menyemarakkan lagi budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Kuala Lumpur sebagai Kota Buku Dunia mengetengahkan konsep kepelbagaian budaya dan pemuliharaan alam sekitar. Pelaksanaan aktiviti pembacaan dan perbukuan akan disemarakkan di bandar raya Kuala Lumpur berdasarkan lima teras utama, iaitu:

- Penganjuran pelbagai bentuk aktiviti membaca dan pembangunan infrastruktur berkaitan dengan perbukuan.
- Penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur sebagai destinasi perbukuan masyarakat.
- Pembangunan minat membaca dalam kalangan remaja dan kanak-kanak serta kebolehcapaian buku digital.
- Pendidikan sepanjang hayat.
- Mercu tanda dan monumen.

Antara aktiviti yang boleh dijalankan di Kuala Lumpur sebagai Kota Buku Dunia ialah kempen membaca untuk pengguna tren komuter, program membaca di perumahan rakyat, capaian digital untuk golongan kurang upaya, lorong buku, dan kedai buku terbuka.

Tahukah anda?

Perbadanan Kota Buku ditubuhkan pada 6 Julai 2011. Kota Buku ialah pusat sehenti bagi menghimpunkan pembaca, penulis, dan penerbit untuk bertemu dan membantu mereka menjalankan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan kegiatan perbukuan.

1.1.2 Mendengar, memahami dan menuturkan ayat dalam pelbagai ujaran dengan betul.



Membawa Dunia ke Bilik Darjah



1. Baca teks pidato dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai, serta kepantasan yang wajar.
2. Kenal pasti lima kata terbitan bagi setiap kategori bentuk yang terdapat dalam petikan. Kemudian, bina ayat dengan kata terbitan tersebut.
3. Gambarkan suasana pembelajaran yang anda gemari kepada rakan-rakan anda.

Bilik Darjah Masa Hadapan

Selamat sejahtera saya ucapkan kepada saudara pengerusi majlis, para hakim yang bijaksana, Tuan Pengetua, guru-guru, dan rakan-rakan sekalian. Bertemu kita di arena pidato dengan tajuk pidato “Bilik Darjah Masa Hadapan: Pengajaran Berkesan” yang akan saya kupas pada pagi yang mulia ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

Sebelum meneruskan pidato ini, saya terlebih dahulu akan menjelaskan maksud perkataan yang menjadi mauduk pidato saya. Bilik darjah bermaksud bilik atau tempat untuk belajar, manakala masa hadapan pula merujuk gambaran tentang kehidupan kita pada masa akan datang. Pengajaran berkesan pula bermaksud proses terancang yang menyediakan dan mewujudkan suasana yang sihat bagi menggalakkan murid untuk terus belajar. Ringkasnya, bilik darjah masa hadapan ialah bilik darjah yang memenuhi keperluan generasi masa hadapan. Terdapat beberapa kelebihan bilik darjah masa hadapan yang membolehkan pengajaran yang berkesan dijalankan.

Hujah pertama saya berkisar tentang bilik darjah bukan lagi bilik empat segi yang statik dengan perabot sahaja. Bilik darjah masa hadapan dilengkapi dengan papan tulis interaktif, pembesar suara, dan komputer. Bilik darjah masa hadapan yang lebih canggih mempunyai kemudahan seperti meja digital, guru robot, dan *virtual reality goggles*. Oleh yang demikian, murid tidak lagi hanya duduk di satu tempat tetapi boleh bergerak ke segenap bilik darjah mengikut keperluan pembelajaran. Murid bebas mencari maklumat dengan segala teknologi pembelajaran terkini yang disediakan.



Hadirin dan hadirat sekalian,

Hujah saya yang kedua berlandaskan pernyataan bahawa tiada lagi papan tulis apatah lagi papan kapur untuk murid-murid. Bilik darjah masa hadapan memanfaatkan semaksimum mungkin penggunaan papan pintar. Papan ini menggunakan teknologi layar sesentuh yang menjadikan pembelajaran lebih interaktif. Dengan menggunakan pen atau jari, murid dapat mempersembahkan idea dengan menggunakan imej yang dapat digerakkan di layar. Guru pula dapat menayangkan audio dan visual yang berkualiti tinggi. Dengan menggunakan sumber daripada Internet secara terus, tugas guru di bilik darjah tidak lagi terbatas hanya pada buku teks semata-mata.


Dua hujah telah saya kupas, menyusul hujah saya yang terakhir, iaitu guru hanya sebagai fasilitator di dalam bilik darjah. Konsep belajar pada masa hadapan memerlukan guru menyediakan banyak pilihan proses pembelajaran yang luwes. Guru tidak lagi menjadi satu-satunya sumber murid untuk mendapatkan maklumat. Guru mestilah berupaya menjadi pembimbing atau pemudah cara kepada murid. Guru boleh menyediakan pelbagai aktiviti yang menggunakan teknologi terkini untuk mencapai objektif pembelajaran. Sebagai contoh, dalam aktiviti mengenai puisi, sekumpulan murid memilih untuk membuat puisi muzikal. Mereka mencari dan menganalisis puisi yang sesuai melalui Internet. Selepas itu, puisi tersebut dipersembahkan dalam bentuk lagu dan disiarkan melalui radio sekolah.

Hadirin dan hadirat yang budiman,

Kesimpulannya, dunia pendidikan mengalami perubahan yang pesat sesuai dengan perkembangan dunia dalam era industri 4.0. Oleh yang demikian, para pendidik di negara ini mestilah bersedia untuk menghadapi perubahan ini dengan berfikiran positif. Segala perubahan yang berlaku diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran pula diharapkan dapat melahirkan rakyat Malaysia yang berpengetahuan dan berketerampilan dalam penggunaan teknologi terkini.

Malam indah bintang berkelipan,
Langit cantik di tengah segara;
Di bilik darjah masa hadapan,
Insan terdidik negara sejahtera.

Sekian, terima kasih.

- 
- 2.1.1 Membaca teks syarahan dan **pidato** dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar.
 - 5.1.2 Mengenal pasti dan menggunakan pelbagai kata terbitan dengan betul mengikut konteks.



Aktiviti

1. Menetapkan stesen dan kumpulan

Tetapkan tiga stesen di sekitar kawasan sekolah. Selepas itu, bentuk dua kumpulan besar, iaitu Kumpulan A dan Kumpulan B. Kemudian, bentuk tiga pasukan daripada Kumpulan A, dan tiga pasukan daripada Kumpulan B.

2. Menyediakan soalan

Setiap pasukan daripada Kumpulan A dan Kumpulan B menyediakan sepuluh soalan bagi setiap stesen dengan menggunakan aplikasi *Kahoot*, *Plickers*, atau aplikasi lain yang sesuai.

Stesen X - imbuhan kata nama


Stesen Y - imbuhan kata kerja

Stesen Z - imbuhan kata adjektif

3. Menjalankan permainan

(a) Permainan ini boleh dijalankan dalam dua pusingan. Dalam pusingan pertama, tiga pasukan daripada Kumpulan A menjawab soalan yang disediakan dan dikendalikan oleh Kumpulan B. Pada pusingan kedua, kumpulan B pula yang akan menjawab soalan yang disediakan oleh kumpulan A.

(b) Pasukan juara daripada setiap kumpulan akan bertanding pula dalam pusingan akhir. Soalan untuk tiga stesen (seperti dalam langkah 2) bagi pusingan akhir disediakan oleh pasukan yang tewas.



Dengan ilmu kubina kerjaya
Dengan kerjaya kucaapai jaya
Dengan berjaya kujelajahi alam raya.



TEMA 3 MEMETIK BINTANG

1. Apakah prospek kerjaya dalam bidang penerbangan?
2. Juruanimasi kerjaya yang menarik? Berikan pendapat anda.
3. Jelaskan kepentingan forensik dalam menangani kes jenayah.





Mendengar dan Bertutur

Kerjaya di Awan Biru



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Dengar dan berikan respons berdasarkan bahan dengan mengutamakan aspek kejelasan, nada, dan kefasihan yang betul.
2. Pilih satu daripada laluan kerjaya dalam bidang industri penerbangan dan berikan respons anda.
3. Terokai maklumat kerjaya yang lain dalam bidang penerbangan.

Di Sebalik Tabir Pesawat

Nurin dan rakan-rakannya telah mengunjungi pameran kerjaya di sebuah universiti. Semasa melawat ke tapak pameran, Nurin telah mengambil sekeping risalah tentang kerjaya dalam bidang penerbangan. Nurin berbincang dengan rakannya tentang maklumat yang terdapat dalam risalah tersebut.

Juruterbang



- Bertanggungjawab untuk mengendalikan pesawat dan memastikan semua aspek keselamatan dipatuhi mengikut Manual Operasi Penerbangan.
- Memeriksa kelengkapan dan peralatan elektronik di dalam pesawat, menyemak pelan penerbangan berdasarkan keadaan cuaca, suhu, kelajuan angin, dan berat pesawat semasa berlepas, serta keperluan bahan api yang secukupnya untuk penerbangan.
- Menerbangkan pesawat ke destinasi mengikut jadual dan prosedur penerbangan yang ditetapkan.
- Menerima dan melaksanakan arahan pengawal trafik udara dari mula sehingga akhir penerbangan.



Tahukah anda?

Di Malaysia, terdapat beberapa institusi yang menyediakan kursus berkaitan dengan bidang penerbangan. Para pelajar lulusan institusi tersebut layak untuk mengisi peluang kerjaya yang sangat luas dalam bidang ini.

(Sumber: *Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)*)

Pengawal Trafik Udara



- Memastikan aliran lalu lintas di ruang udara, landasan, dan persekitaran lapangan terbang selamat dan teratur.
- Menentukan waktu dan tempat yang tepat untuk setiap pesawat mendarat.
- Memberikan arahan kepada juruterbang menggunakan komunikasi radar untuk memastikan lalu lintas lancar dan selamat.
- Memberikan nasihat berkaitan dengan cuaca atau maklumat lain tentang penerbangan kepada juruterbang.
- Mengesan kedudukan sebenar setiap pesawat menggunakan radar dan teknologi komputer.



Jurutera Penyelenggaraan Kapal Terbang



- Menyelenggara pesawat dengan membuat pemeriksaan minyak enjin, tayar, gear pendaratan, dan bahagian luar badan pesawat.
- Memeriksa alat pemadam api dan jaket keselamatan agar dalam keadaan baik untuk keselamatan kabin penumpang.
- Mengira dan menetapkan jumlah bahan bakar yang diperlukan oleh pesawat untuk penerbangan seterusnya.
- Menyemak buku log teknikal dan membetulkan sebarang masalah yang dilaporkan oleh juruterbang atau kru kabin.

(Sumber: *Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)*)

1.2.1 Mendengar dan memberikan respons dengan mengutamakan aspek kejelasan, nada, dan kefasihan dengan betul.

Saksi Senyap Rungkai Misteri



Aktiviti

1. Baca bahan dan kenal pasti maklumat.
2. Sejauh manakah kerjaya forensik dapat membantu menyelesaikan masalah jenayah?
3. Bagaimanakah kemajuan sains dapat membantu bidang forensik di negara kita?



Kanta Forensik

Sejajar dengan perkembangan dunia sains, Polis Diraja Malaysia (PDRM) kini mengorak langkah untuk memantapkan aspek penyiasatan dalam menyelesaikan sesuatu kes jenayah. Aplikasi kaedah saintifik dalam penyiasatan atau lebih dikenali sebagai forensik membantu PDRM menjalankan penyiasatan kes-kes jenayah.

Menurut PDRM, forensik ialah aplikasi sains kepada perundangan. Pakar forensik mengumpulkan bahan bukti untuk dianalisis oleh Bahagian D10, Jabatan Siasatan Jenayah (Makmal Forensik). Hasil laporan forensik ini digunakan untuk keperluan perundangan.

Apabila sesuatu kes jenayah dilaporkan, pakar forensik dari Unit Siasatan Tempat Kejadian Jenayah atau *Crime Scene Investigation* (CSI) mendapatkan bukti-bukti fizikal yang berkualiti dan relevan. Bukti-bukti fizikal seperti kesan cap jari, kesan tumpahan bahan kimia, dan sebarang dokumen yang berada di tempat kejadian akan dinilai oleh pasukan CSI. Hasil penilaian tersebut akan dianalisis oleh unit forensik yang berkenaan.

Jika kes jenayah yang melibatkan kesan cap jari, penyiasatan akan dikendalikan oleh Unit Siasatan Cap Jari. Unit Siasatan Audio/Video pula akan menjalankan pemeriksaan audio video seperti rakaman kamera litar tertutup sementara Unit Siasatan Jenayah Komputer akan menganalisis bahan-bahan bukti seperti Unit Pemprosesan Pusat atau *Central Processing Unit* (CPU), telefon bimbit, kad sim, dan kad memori.

(Sumber: Bahagian D10,
Jabatan Siasatan
Jenayah, PDRM)





Laluan Kerjaya Pegawai Forensik PDRM

- Menjalani Latihan Asas Kepolisan di Pusat Latihan Polis selama setahun.
- Menjadi Pegawai Siasatan Jenayah sekurang-kurangnya setahun.
- Lulus ujian kecekapan.
- Semua pegawai forensik PDRM berpeluang untuk meningkatkan kepakaran dan kenaikan pangkat.

Bagaimanakah pegawai forensik dapat membantu menjalankan siasatan?

Kes 1

Kejadian jenayah yang mengakibatkan kerosakan harta benda.

Kes 2

Kejadian menggodam akaun media sosial.

Kes 3

Kehilangan wang dalam akaun bank.

Kes 4

Rangka manusia ditemukan di dalam belukar.

Tahukah anda?

Forensik perubatan digunakan untuk menyelesaikan kes medikolegal di hospital. (Sumber: <http://www.myhealth.gov.my/forensik-sebagai-kerjaya-di-kkm/>)



Menulis



Seni Bahasa

Dari Titik ke Titik



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, tulis ramalan tentang kerjaya pada masa hadapan.
2. Deklamasikan sajak dan nyatakan maksudnya.
3. Hasilkan karikatur dan jelaskan keunikannya.



Daripada Kartun kepada Animasi

Wayang kulit merupakan satu bentuk animasi awal yang terdapat di Malaysia. Gerakan watak wayang kulit dikawal oleh pemainnya yang digelar dalang dengan menggerakkan sendi tangan, leher, dan mulut karakter dalam persembahan wayang kulit. Ketika ini, juruanimasi perlu mempunyai kemahiran yang tinggi untuk mereka bentuk, melukis, dan mewarnakan karakter secara manual. Karakter yang membantu penceritaan dilukis di atas kulit lembu dan dipotong menggunakan teknik animasi guntingan.

Pada tahun 1983, filem animasi pendek Malaysia yang pertama, *Hikayat Sang Kancil* ditayangkan. Pasukan juruanimasi mengambil masa selama enam belas tahun untuk menyiapkan animasi ini yang berdurasi tiga belas minit. Juruanimasi melukis karakter dengan banyak di atas kertas secara lukisan tangan. Lukisan yang banyak ini kemudiannya dirakamkan dengan menggunakan kamera animasi untuk dijadikan seluloid atau kepingan filem.



Sejajar dengan penekanan terhadap penggunaan teknologi digital di Malaysia, siri animasi televisyen pertama, *Usop Sontorian* dihasilkan pada tahun 1995. Seterusnya, filem cereka animasi pertama, *Silat Legenda* dihasilkan pada tahun 1998. Karakter animasi moden dalam bentuk 2D dan 3D dibina menggunakan perisian komputer berteknologi tinggi, antaranya seperti perisian *Autodesk Maya*, *Logic Pro*, dan *Adobe Creative Suite*. Dengan kecanggihan perisian teknologi digital, karakter animasi boleh dilukis dengan sempurnanya walaupun juruanimasi tiada kemahiran melukis.



TEMA 3

Memetik Bintang



Sang Animator



Dia terjun ke sungai animasi dengan perahu kemahiran perisian moden juga terkini.

Di hujung jari dia menghidupkan watak-watak memberikan nyawa kepada karakter agar hidup di layar cerita.

Hidupnya paparan aneka warna dunia gerakan juga suara kesan bunyi menyentak jiwa gabungan paparan audio dan visual serta emosi pelengkap cereka.

Sang animator insan di sebalik tabir kerana dialah Anak-anak Sidek Usop Sontorian Bola Kampung Ejen Ali atau Keluang Man Kampung Boy atau BoBoiBoy malah Upin dan Ipin serta Omar dan Hana mewarnai alam ria kanak-kanak terus gemerlapan di garis kenangan.

Dialah penghidup karakter hero mengolah watak-watak tempatan mendapat tempat di pentas dunia.

Sang animator, baginya senyum tawa para penonton dengan keletah penuh ceria menjadikan dia bahagia buat selamanya.

Nimoiz TY
Gual Ipoh, Tanah Merah



Kini, kualiti produk animasi tempatan mampu menjadi saingan kepada beberapa nama besar pengeluar animasi di dunia. Filem animasi seperti *Geng: Pengembaraan Bermula (Upin dan Ipin)* dan *BoBoiBoy the Movie* mula menembusi layar perak. Mutakhir ini, filem animasi dihasilkan dengan konsep hiburan 3D, interaktif, dan bertaraf antarabangsa. Pada pendapat anda, bagaimanakah prospek kerjaya juruanimasi pada masa hadapan?



3.2.1 Menulis untuk meramal sesuatu perkara yang **dibaca**, didengar dan **ditonton** dengan memberikan justifikasi menggunakan ayat yang gramatis.

4.1.2 Memahami dan mengapresiasi **puisi moden** dan puisi tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya.

TEMA 3
Memetik Bintang



Menjulang **Potensi Diri**



1. Bersoal jawab tentang keistimewaan diri yang perlu dimiliki untuk memohon program budaya peringkat antarabangsa.
2. Simulasikan gaya berpakaian, berjalan, dan duduk yang betul semasa sesi temu duga dan nilaikan.



Hiasi Peribadi, Yakini Diri

Nur Ain Sofia bercadang untuk menyertai program budaya peringkat antarabangsa. Resume yang sesuai perlu disediakan untuk memohon program tersebut.

Nur Ain Sofia binti Kamarul Azmi



Anugerah



- Tokoh Pemimpin Muda semasa Kem Kepimpinan Pengawas Peringkat Negeri.
- Johan Pertandingan Tarian Zapin Peringkat Daerah.
- Pencapaian Terbaik PT3 Peringkat Sekolah.
- Tokoh Kokurikulum Sekolah.

Kemahiran Teknologi Maklumat

- Mahir menggunakan perisian *Microsoft Office*.
- Mampu menghasilkan video kreatif.
- Menguasai kemahiran reka bentuk grafik.

Kemahiran Bahasa

Bahasa Melayu *****
Bahasa Inggeris *****
Bahasa Jepun ***

Alamat untuk dihubungi:

Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Cemerlang,
Jalan Gemilang 7, Taman Jaya,
25000 Kuantan, Pahang.
No. Telefon: 019-123456789
E-mel: nurainsofiakamarul@zmail.com

Aa

Potensi Diri

- Mesra dan mudah bekerjasama dalam kumpulan.
- Boleh berkomunikasi dengan semua lapisan masyarakat.
- Bersedia melakukan tugas sebagai sukarelawan.
- Bersedia menerima tanggungjawab untuk memimpin.
- Jujur dan boleh dipercayai.
- Sedia menerima cabaran untuk melakukan tugas yang sukar.
- Boleh memotivasikan diri dan bekerja di bawah tekanan.



Kemahiran Tambahan

- Mahir bermain beberapa jenis alat muzik moden dan tradisional.
- Mahir seni tarian zapin.
- Berkebolehan dalam penguapan awam.



Rujukan:

Cik Nur Damia binti Halim
Guru Tingkatan 4 Supernova
Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Cemerlang.
No. Telefon: 012-123456789



Nur Ain Sofia telah memohon untuk menyertai program budaya peringkat antarabangsa. Dia telah dipanggil untuk menjalani temu duga.

Nur Ain Sofia: Selamat sejahtera, tuan dan puan.

Penemu duga 1: Selamat sejahtera. Silakan duduk.

Nur Ain Sofia: Terima kasih, tuan.

Penemu duga 2: Saudari Nur Ain Sofia telah memohon untuk menyertai program budaya peringkat antarabangsa, betul?

Nur Ain Sofia: Ya, betul, puan.

Penemu duga 1: Boleh jelaskan sedikit tentang latar belakang Saudari Nur Ain Sofia?

Nur Ain Sofia: Saya berusia 16 tahun dan berada dalam Tingkatan 4 Supernova di SMK Seri Cemerlang. Di sekolah, saya ialah seorang pengawas dan setiausaha Kelab Seni Budaya. Saya aktif dalam aktiviti seni budaya dan kerap menyertai pertandingan pidato.

Penemu duga 2: Mengapakah saudari memohon program budaya peringkat antarabangsa ini?

Nur Ain Sofia: Saya memohon program ini kerana ingin melihat keunikan dan mengenali budaya masyarakat di luar negara.

Penemu duga 1: Tadi saudari ada menyatakan hasrat untuk mengenali budaya masyarakat luar. Boleh saudari terangkan lebih lanjut?

Nur Ain Sofia: Boleh, tuan. Sebenarnya, saya ingin melihat sendiri keunikan budaya masyarakat lain di dunia seperti pakaian dan tarian tradisional mereka. Pada masa yang sama, saya akan mengambil peluang menonjolkan jati diri sebagai rakyat Malaysia yang kaya dengan budaya.

Penemu duga 2: Boleh saudari jelaskan?


Nur Ain Sofia: Sebagai warganegara yang cinta akan tanah airnya, saya berbangga untuk memperkenalkan keindahan warisan budaya Malaysia seperti baju kurung teluk belanga dan tarian zapin.

Penemu duga 1: Wah, menarik sekali! Jika saudari terpilih untuk menyertai program ini, apakah perkara yang saudari ingin lakukan semasa berada di sana?

Nur Ain Sofia: Selain mengikuti semua aktiviti yang ditetapkan oleh penganjur, saya juga akan membuat demonstrasi tarian zapin dan permainan tradisional.

Penemu duga 2: Baiklah, terima kasih Saudari Nur Ain Sofia. Selepas ini, sila ke Bilik Temu Duga 2 untuk ujian bertulis.

Nur Ain Sofia: Terima kasih dan selamat sejahtera, tuan dan puan.



1.5.3 Bersoal jawab dalam situasi untuk meningkatkan kebolehpasaran diri dalam bidang pendidikan dan kerjaya dengan yakin.



Harapan Setinggi Gunung



1. Baca dan nilai bentuk serta kandungan teks.
2. Kenal pasti dan bina ayat menggunakan akronim yang terdapat dalam petikan.
3. Kenal pasti kerjaya berdasarkan potensi diri anda.



Karnival kerjaya merupakan wadah terbaik yang menyediakan maklumat tentang dunia kerjaya. Kunjungilah karnival kerjaya yang berhampiran sebagai persiapan sebelum anda menceburi dunia pekerjaan.

KARNIVAL KERJAYA

2 MAC 20□□ / SABTU

Dewan Muhibah, Bangunan Teguh Niaga,
18, Jalan Setia, 54600 Kuala Lumpur
9:00 pagi - 5:00 petang

Anjuran: Yayasan Anak Watan Malaysia (Yawam)
dan Persatuan Mahasiswa Muda (Permam)

Semakan status permohonan dan pendaftaran pekerjaan secara dalam talian **adalah percuma**

Pameran Syarikat/Agensi

- Jabatan kerajaan.
- Agensi kerajaan.
- UA, US, dan PLKA.
- Syarikat swasta.

Peluang Kerjaya

- Pendaftaran pekerjaan.
- Temu duga terbuka.
- Ujian bertulis.

Bimbingan

- Tatacara temu duga.
- Taklimat industri.
- Kaunseling kerjaya.

Gerai Jualan

- Sebanyak 30 buah gerai terlibat menjual makanan dan pakaian.
- Jualan barangan digital pelbagai jenama.

Aktiviti

- Senamrobik.
- Bual bicara bersama panel jemputan.
- Uji bakat kerjaya dalam bidang penyiaran bersama RTM, Bernama, dan Radio IKIM.
- Pertandingan melukis komik adaptasi daripada cerpen.

Kaunter Kesihatan

- Pemeriksaan kesihatan bersama kumpulan perubatan dari Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Alam Kerjaya Terbentang Luas

Karnival kerjaya yang dianjurkan oleh Yayasan Anak Watan Malaysia (Yawam) dan Persatuan Mahasiswa Muda (Permam) telah memberikan peluang kepada anak muda untuk mendapatkan maklumat pekerjaan. Program yang berjalan lancar pada 2 Mac 20□□ ini menyediakan lebih 3000 peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang.

Pengerusi Yawam, Encik Muhammad Zaki bin Zahid, mengatakan bahawa program itu turut dijayakan oleh lebih 50 buah organisasi termasuklah syarikat swasta, kementerian, jabatan kerajaan, Universiti Awam (UA), Universiti Swasta (US), dan Pusat Latihan Kemahiran Awam (PLKA).

Pelbagai aktiviti menarik dan sarat dengan ilmu turut disediakan. Antaranya termasuklah acara senamrobik, program bual bicara bersama panel jemputan, dan uji bakat kerjaya dalam bidang penyiaran bersama RTM, Bernama, dan Radio IKIM. Selain itu, karnival ini turut menyediakan ruang niaga untuk 30 buah gerai makanan, pakaian, barangan digital pelbagai jenama, dan kaunter kesihatan Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk pemeriksaan kesihatan. Di samping itu, para pengunjung juga boleh menonjolkan bakat kreatif dalam pertandingan melukis komik adaptasi daripada cerpen terpilih.

Menerusi program Bimbingan Tatacara Temu Duga dan Taklimat Industri pula, pengunjung mendapat beberapa tip untuk temu duga, antaranya termasuklah penyediaan resume, kemahiran berkomunikasi, persembahan *pitching*, dan etika berpakaian. Bengkel dan taklimat semasa Kaunseling Kerjaya bersama panel penganjur membolehkan para pengunjung mendapatkan panduan dan latihan temu duga sebagai persediaan untuk temu duga sebenar.

Sesungguhnya, karnival kerjaya ini sangat memberikan manfaat kepada para pengunjung. Para belia yang ingin berjaya dalam permohonan kerja mestilah berusaha menimba ilmu dengan menghadiri karnival kerjaya ini. Bak kata pepatah Melayu, jika pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang.

Contoh Borang Penilaian Kendiri Tandakan skala di bawah.

1 - Setuju

2 - Tidak setuju

BIL.	ITEM	BAHAN A		BAHAN B		ALASAN
		SKALA				
		1	2	1	2	
1.	Bentuk paparan menarik minat pembaca.					
2.	Memberikan lebih banyak maklumat.					
3.	Lebih mudah difahami oleh pembaca.					
4.	Susunan maklumat mudah dibaca.					
5.	Memberikan ilmu baharu kepada pembaca.					

2.3.1 Membaca dan menilai bentuk serta kandungan teks daripada pelbagai bahan dengan betul dan tepat.

5.1.3 Mengenal pasti dan menggunakan bentuk kata ganda dan **akronim** dengan betul mengikut konteks.



Penilaian

Soalan 1

Teliti bahan di bawah dan huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri pekerja cemerlang dengan menggunakan ayat yang gramatis.




Soalan 2

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis karangan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

1. Sukan lasak seperti kembara, mendaki gunung, berkayak, dan lumba basikal dapat membentuk individu yang mempunyai ketahanan diri dan berani menghadapi cabaran. Ulas pernyataan tersebut.
2. Kebanyakan remaja mempunyai impian untuk menceburi dunia kerjaya yang dapat menjamin masa hadapan mereka. Huraikan persediaan untuk memenuhi kerjaya impian anda.
3. Pembelajaran secara maya telah diperkenalkan dan kian banyak dilaksanakan di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Bincangkan kelebihan pembelajaran secara maya.

Soalan 3

Analisis infografik di bawah dengan telitinya. Kemudian, rumuskan maklumat tersurat dan tersirat tentang kadar kebolehpasaran graduan.



(Sumber: <https://www.moe.gov.my/index.php/pemberitahuan/pengumuman/5133-infografik-kebolehpasaran-graduan-tahun-2018>)

Soalan 4

Baca kedua-dua bahan dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Petikan 1

Faedah Sukan kepada Remaja

Kegiatan sukan mendatangkan banyak faedah kepada remaja. Antaranya sukan dapat melahirkan remaja yang sihat, sama ada dari segi fizikal ataupun mental. Sebagai contoh, aktiviti sukan seperti berbasikal, mendaki gunung, dan bermain bola sepak akan membantu remaja untuk membina tubuh badan yang sihat, cergas, dan menarik. Hal ini dikatakan demikian kerana bersukan boleh menguatkan otot dan tulang serta menyihatkan badan dengan membakar lemak berlebihan dalam badan. Natijah daripada badan yang sihat juga akan melahirkan **minda yang cerdas** dan mendorong kecemerlangan dalam pelajaran.

Selain itu, remaja dapat mengisi masa lapang dengan cara yang bermanfaat. Contohnya, remaja dapat memanfaatkan masa lapang dengan melibatkan diri dalam aktiviti sukan seperti tenis, memanah, dan futsal. Remaja yang aktif dalam sukan pasti tidak akan melakukan aktiviti yang kurang bermanfaat seperti menghabiskan masa lapang dengan menonton televisyen, tidur, atau melepak di pusat beli-belah. Sebaliknya, mereka akan mengisi masa senggang mereka dengan melakukan aktiviti sukan yang digemari bersama rakan-rakan. Impaknya, remaja akan membentuk gaya hidup yang sihat dan terhindar daripada masalah sosial.

Seterusnya, aktiviti sukan juga dapat mencungkil bakat remaja. Melalui pertandingan yang diadakan pada peringkat sekolah, guru akan dapat mengesan dan mencungkil bakat terpendam remaja dalam pelbagai acara sukan seperti catur, badminton, dan olahraga. Pada masa yang sama, guru akan menggilap bakat remaja ini dengan latihan yang terancang agar mereka dapat bermain dengan baiknyanya semasa pertandingan dijalankan. Dengan ini, pihak sekolah dapat mencungkil bakat dan melahirkan ramai atlet yang berpotensi untuk berjaya pada peringkat yang lebih tinggi.

Di samping itu, aktiviti sukan dapat memupuk perpaduan dalam kalangan remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana semasa bersukan semangat kekitaan dan keakraban antara rakyat berbilang kaum di negara ini dapat dipupuk. Atlet yang berada dalam pasukan yang terdiri daripada remaja yang berbeza kaum dan budaya akan bekerjasama untuk memastikan kejayaan pasukan mereka. Impaknya, sifat toleransi dan semangat kesukanan dalam kalangan remaja yang berbeza latar belakang dapat dipupuk dan perpaduan dapat dijalin.

(Sumber: <https://www.gpsbestari.com/tip/tip-belajar/banyaknya-kebaikan-sukan-di-sekolah-yang-ramai-orang-tak-tahu-1.722042>)

Petikan 2

Ikon Sukan Negara

Azizulhasni bin Awang (Lumba Basikal)

- 2015 - Mendapat pingat gangsa dalam acara Keirin Kejohanan Dunia di Saint-Quentin-en-Yvelines, Perancis.
- 2016 - Mendapat pingat gangsa dalam acara Keirin Kejohanan Dunia di London.
- Mendapat pingat gangsa dalam acara Keirin Sukan Olimpik di Rio, Brazil.
- 2017 - Mendapat pingat emas dalam acara Keirin Kejohanan Dunia di Hong Kong.
- Mendapat pingat emas dalam acara Pecut Kejohanan Asia di New Delhi, India.
- Mendapat pingat emas dalam acara Keirin dan Pecut Sukan SEA di Kuala Lumpur.
- 2018 - Mendapat pingat emas dalam acara Pecut Sukan Asia, Jakarta-Palembang.
- Mendapat pingat gangsa dalam acara Keirin Kejohanan Dunia di Berlin, Jerman.

Siti Rahmah binti Mohamed Nasir (Silat Olahraga)

- 2015 - Mendapat pingat emas dalam Sukan SEA.
- 2016 - Mendapat pingat emas dalam Kejuaraan Pencak Silat Dunia di Bali, Indonesia.
- Dinobatkan sebagai Olahragawati Negeri Terengganu dan Olahragawati Kebangsaan.
- 2017 - Mendapat pingat emas dalam Sukan SEA.
- Dianugerahi Anugerah Tun Fatimah oleh Pertubuhan Kebajikan Insaniah Srikandi Malaysia.
- 2018 - Mendapat pingat emas dalam Kejuaraan Pencak Silat Dunia di Singapura.

Sivasangari a/p Subramaniam (Skuasy)

- 2011 - Mendapat Anugerah Atlet Harapan MSSM.
- 2014 - Menjuarai Terbuka Remaja British, Perempuan B15 di Sheffield, England.
- 2017 - Mendapat pingat emas dalam Sukan SEA, Kuala Lumpur (acara Individu dan Beregu Campuran).
- 2018 - Menjuarai Terbuka Remaja British, Perempuan B19 di Birmingham, England.
 - Mendapat pingat emas dalam Sukan Asia Jakarta-Palembang 2018 (Beregu Wanita).
 - Mendapat pingat perak dalam Sukan Asia Jakarta-Palembang 2018 (acara Individu).

1. Berdasarkan petikan 1, apakah faedah sukan kepada remaja?
2. Berdasarkan petikan 1, apakah yang dimaksudkan dengan **minda yang cerdas**?
3. Bagaimanakah kejayaan ikon sukan negara dapat memotivasikan anda?
4. Jelaskan dua impak kejayaan ikon sukan kepada negara.
5. Sejauh manakah aktiviti sukan pada peringkat sekolah berjaya melahirkan atlet pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa?
6. Berdasarkan kedua-dua teks, apakah kesimpulan yang dapat anda buat tentang sukan?

Soalan 5

- a. Bina ayat dengan perkataan di bawah bagi menjelaskan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.
- | | |
|-----------------------|---------------------|
| i. suruhanjaya | iv. pengambilalihan |
| ii. antarabangsa | v. gimrama |
| iii. mencampuradukkan | vi. asbut |
- b. Baca atur cara di bawah dengan telitinya. Kenal pasti kata akronim yang terdapat dalam bahan dan kategorikan jenisnya.

MAJLIS PERASMIAN HARI KOKURIKULUM DAN KEUSAHAWANAN SMK INDAH JAYA

Tarikh: 27 September 20

Hari: Rabu

Masa: 7:30 pagi

Tempat: Dewan Graha Munsyi (Degram), SMK Indah Jaya

Atur cara:

7:30 pagi: Senamrobik

8:15 pagi: Ketibaan tetamu khas

Yang Berbahagia Puan Hajah Fauziah binti Ramli,

Pengerusi, Yayasan Koperasi Bina Cemerlang (KOBILANG)

- 8:30 pagi: Nyanyian Lagu *Negaraku*
 Nyanyian Lagu *Bangsa Johor*
 Nyanyian Lagu Sekolah
 Persembahan kompong formasi Persatuan Kompang (Perkom)
 Persembahan Bicara Berirama Kumpulan Biber
- 8:45 pagi: Ucapan alu-aluan Pengetua
- 8:55 pagi: Ucapan perasmian Yang Berbahagia Puan Hajah Fauziah binti Ramli,
 Pengerusi, Yayasan Koperasi Bina Cemerlang (KOBILANG)
- 9:20 pagi: Persembahan tarian zapin
 Persembahan kugiran
- 9:50 pagi: Penyampaian cenderamata
- 10:00 pagi: Lawatan ke tapak pameran
 Reruai jualan - makanan dan pakaian sukan pelbagai jenama
 Reruai pameran - unit kokurikulum, UniSZA, UPSI, UNITEN, Institut
 Teknologi Petroleum PETRONAS, Bernama, pawagam mini
- 11:00 pagi: Bersurai

Soalan 6

Berdasarkan foto susunan bilik darjah yang terdapat dalam bahan, pilih satu foto susunan bilik darjah yang anda gemari. Kemudian, berikan pendapat anda tentang susunan bilik darjah yang anda pilih.



Alam yang subur jadi taruhan
Di air di darat rakyat majukan
Usahakan tanaman juga ternakan.

TEMA 4

MENJULANG HARAPAN

DI BUMI BERTUAH

1. Pertanian menjanakan pendapatan? Berikan alasan.
2. Bagaimanakah produk penternakan dapat menembusi pasaran antarabangsa?
3. Apakah kelebihan menceburi bidang perikanan?



1. Dengar dan sebut semula fakta serta hujah berdasarkan bahan.
2. Susun fakta dan hujah daripada pelbagai situasi.
3. Buat pembentangan tentang rozel dalam bentuk multimedia.

Asam yang Manis

Razin telah menerima tugas daripada gurunya untuk membuat kajian tentang penanaman rozel. Dia terdengar siaran radio tentang "Peladang Jaya" di rumahnya.





IMBAS SAYA



Eksport Rozel ke Australia

Tahun	Kuantiti (kg)	Pendapatan (RM)	Bilangan Kontena
2016	11 527.9	85 303.84	4
2017	15 730.3	120 990.99	6
2018	17 325.8	132 542.31	6

(Sumber: Pusat Pemprosesan Makanan FAMA, Rengit, Johor)



Biji benih rozel dibekalkan oleh pejabat pertanian kepada petani.



Rozel ditanam di batas dengan jarak yang tertentu.



Benih rozel disemai di dalam dulang semaian.

1.3.1 Mendengar, menyebut semula dan menyusun fakta serta hujah daripada pelbagai situasi dengan betul, tepat dan bermakna.



Terbaik dari Kolam



Aktiviti

1. Baca, kenal pasti, dan jelaskan maklumat tersurat dan tersirat berdasarkan bahan.
2. Bincangkan potensi penternakan udang harimau pada masa hadapan.
3. Terokai maklumat tentang jenis-jenis udang yang lain.

Mengintai Habitat Udag Harimau

Oleh: Zahid bin Ithnain

Udag ialah sumber Omega-3 yang kaya dengan protein namun kurang kandungan lemak dan kalori. Terdapat pelbagai jenis udang air masin dan air tawar yang kian menjadi pilihan penternak udang. Antara spesies udang yang mulai mendapat perhatian masyarakat dan ditenak secara besar-besaran ialah udang galah, udang putih, udang kara, dan udang harimau. Udag harimau atau nama saintifiknya *Penaeus monodon* merupakan spesies udang yang semakin banyak ditenak di Malaysia. Spesies udang harimau mendapat permintaan yang tinggi terutamanya pada musim perayaan Tahun Baharu Cina dan Krismas.

Udag harimau memerlukan sumber air payau masin sebagai habitatnya. Biasanya, penternak akan membina kolam berhampiran sungai dan laut untuk mendapatkan sumber air payau masin. Parameter indeks kualiti air akan ditentukan seminggu sekali untuk memastikan keadaan fizikal air kolam seperti suhu, pH, oksigen terlarut, dan kadar kemasinan sesuai untuk tumbesaran udang. Selain itu, keadaan fizikal kolam perlu dipastikan tidak mengandungi plankton yang boleh menyebabkan gangguan kepada pembesaran udang harimau.

Ancaman utama bagi hidupan akuatik ini ialah penyakit yang berpunca daripada benih dan kawalan air. Selain itu juga, musuh lain yang turut menjadi ancaman kepada udang harimau ialah memerang, ketam, dan burung yang membawa kuman penyakit kepada udang. Simptom udang yang sakit dapat dikesan jika udang



Pengeluaran Udang Harimau dari Kolam Air Payau/Masin Mengikuti Negeri pada Tahun 2017

Negeri	Tan metrik	Nilai dalam RM
Kedah	24.73	520 080.00
Pulau Pinang	298.43	9 925 890.00
Perak	4630.08	126 079 650.00
Johor	171.95	4 934 690.00
Sabah	4.00	120 000.00

(Sumber : https://www.dof.gov.my/dof2/resources/user_29/Documents/Perangkaan%20Perikanan/2017%20Jilid%201/Jadual_Akuakultur.pdf)

sudah mulai hilang selera makan, insang berwarna hitam, dan kulitnya menjadi kusam. Sebagai langkah pencegahan dan kawalan penyakit, udang yang didapati sakit akan diasingkan ke kolam yang lain.

Untuk mendapatkan hasil ternakan udang yang menepati kehendak pelanggan, penternak perlu memastikan makanan yang mencukupi diberikan kepada udang. Pemberian makanan ini dilakukan secara manual dan automatik. Kaedah manual dilakukan dengan cara menaburkan makanan sebanyak empat kali sehari. Terdapat juga penternak yang memberikan makanan secara automatik dengan menetapkan penggera masa pada alat *auto feeder* untuk menaburkan makanan secara automatik.

Para pekerja kolam akan memastikan nutrien yang mencukupi agar udang yang ditenak sihat. Antara nutrien yang diperlukan oleh udang ialah magnesium sulfat dan kalsium klorida. Udang harimau akan membesar dengan cepat pada persekitaran air yang bersih dan suhu air antara 25°C hingga 32°C. Kolam akan dilengkapi dengan kincir air untuk mengawal suhu air kolam. Jika suhu air berada di bawah 25°C, udang akan hilang selera makan, tertekan, dan mungkin boleh menyebabkan kematian.

Encik Hoo Kiew Meow, pengurus kolam udang harimau, menjelaskan bahawa teknologi kincir air beroperasi 24 jam sehari. Kincir air berfungsi untuk menghasilkan oksigen yang mencukupi bagi keperluan udang. Selain itu, kincir air juga berfungsi untuk membentuk arus di dalam kolam. Arus air ini mengumpulkan sisa kumbahan di dasar kolam.

Beliau, yang menguruskan 12 buah kolam udang dengan keluasan 20 ekar, memasarkan udang harimaunya bukan sahaja untuk keperluan tempatan, malahan turut mengeksportnya ke luar negara seperti Korea, Singapura, dan China. Biasanya, udang harimau dipasarkan dalam bentuk bungkusan dingin beku dan udang segar. Namun, terdapat juga udang harimau yang dibekalkan untuk sajian di hotel dan restoran dalam bentuk separa masak.



2.2.1 Membaca, mengenal pasti dan menjelaskan maklumat tersurat dan tersirat dengan betul daripada pelbagai bahan primer.



Realisasikan **Impian**



Aktiviti

1. Baca skrip drama dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai.
2. Kenal pasti golongan kata nama dan bina ayat dalam bentuk dialog.
3. Lakonkan skrip drama ini.



Arnab, Si Pencuri Hati

Luqman dan Adora sedang berehat di wakaf sekolah sambil berbual-bual kosong. Tiba-tiba, Nuyah muncul dalam keadaan termengah-mengah sambil memanggil Luqman dengan suara separuh menjerit.

Nuyah: Luqman! Luqman! Kita dah terlepas peluang! Tarikh dah tutup!

Luqman: Peluang apa yang terlepas? Tarikh apa pula yang dah tutup?

Nuyah: Awak lupakah tentang iklan projek pertanian yang kita bincangkan minggu lepas?

Luqman: (*Mengerutkan kening sambil menggaru-garu kepalanya*) Iklan? Iklan apa Nuyah?

Nuyah: Eh, awak ni! Cepat betul lupa.

Adora: (*Ketawa terbahak-bahak*) Nuyah, Luqman ni memang pelupa orangnya!

Luqman: Maafkan saya. Saya betul-betul lupa.

Adora: Luqman, cuba awak ingat semula tentang iklan Projek Ternakan dalam Taman yang dimaklumkan oleh Cikgu Mashita minggu lepas. Bukankah awak juga yang memberikan cadangan agar kita menyertai projek tersebut?



Luqman: Oh, maafkan saya! Saya terlupa. Apakah yang harus kita lakukan sekarang?

Nuyah: Jom, kita siapkan kertas cadangan sekarang. Nanti kita buatlah rayuan agar Cikgu Mashita terima kertas cadangan kita. Cepatlah, bertanggung itu pencuri masa!

Luqman dan Adora: Baiklah.

Luqman: Apakah idea awak, Nuyah?

Nuyah: Apa kata, kita jalankan projek ternakan kambing? Permintaannya tinggi.

Adora: Saya tidak setuju. Penternakan kambing memerlukan kawasan yang luas.

Luqman: Habis, awak nak jalankan projek apa, Adora?

Adora: Saya fikir, baik kita menternak arnab. Sebab saya suka arnab. Rupa arnab comel, macam saya! (*Sambil membuat riak muka comel*).

Luqman: Adora, jangan main-main! Projek ini untuk Kelab Pertanian. Kita mestilah pilih haiwan yang boleh ditenak untuk dimakan dagingnya.

Adora: Saya tak berguraulah, Luqman. Kalau awak nak tahu, terdapat tiga jenis arnab, iaitu arnab hiasan, arnab bulu, dan arnab pedaging. Ketiga-tiganya boleh dipasarkan. Tambahan pula, daging arnab lebih sedap dan rendah kolesterol.

Nuyah: Betul ke? Saya tidak pernah makan daging arnab.

Luqman: Menarik juga cadangan kamu itu, Adora. Teringat pula saya akan kenangan semasa saya melancong di Bandung, Indonesia. Ketika di sana, saya telah makan sate arnab. Dagingnya sangat lembut dan manis.

Adora: Hmm ... jika begitu, amat sesuaiilah kita memilih arnab untuk projek ini. Arnab hiasan daripada baka *Netherland Dwarf* dan *Holland Lop* yang comel mempunyai potensi untuk menjadi tarikan di taman pertanian. Pada masa yang sama, arnab pedaging daripada baka *New Zealand White* dan *California* pula mempunyai nilai pasaran untuk dagingnya sama ada dijual mentah atau siap dimasak.

Nuyah: Bagaimanakah pula dengan kos untuk membuat sangkarnya?

Adora: Sebentar! Luqman, bukankah awak pandai bertukang? Nanti, bolehlah kita buat sangkar arnab bersama-sama.

Luqman: Boleh. Tiada masalah.

Adora: Awak boleh menggunakan kayu-kayu terpakai yang tersimpan di dalam stor perabot lama. Kos dapat dijimatkan dan kita juga dapat menyokong kempen kitar semula.

Luqman: Setuju! Tapi, kita perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Cikgu Zaki untuk menggunakan kayu-kayu terpakai itu.

Adora dan Nuyah: Betul kata awak itu.

Nuyah: Adora, arnab yang comel itu pasti akan menarik perhatian murid-murid lain untuk berkunjung ke taman pertanian.

Adora: Betul, Nuyah. Arnab juga cepat membiak dan boleh dijual. Bertambah satu lagi aktiviti keusahawanan ahli Kelab Pertanian.

Luqman: Bernas sungguh cadangan awak berdua. Nampaknya kita telah membuat satu keputusan untuk menternak arnab. Mari kita siapkan kertas cadangan itu sekarang. Harap-harap ada rezeki, dan cikgu masih terima kertas cadangan kita. Untung sabut timbul, untung batu tenggelam.

2.1.2 Membaca skrip drama dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai.

5.2.1 Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata nama dengan betul mengikut konteks.




Serikandi Berjasa!



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Dengar dan berikan respons dengan mengutamakan aspek kejelasan, nada, dan kefasihan dengan betulnya.
2. Dendangkan gurindam secara kreatif dan jelaskan maksud yang terkandung dalam setiap rangkap.
3. Cipta gurindam tentang sumbangan peladang dan persembahkannya. 

Wanita Berjiwa Perkasa

Pemilik nama Puan Hajah Zaiton binti Haji Mohd Yusof ini sememangnya seorang wanitayangkentalsemangatnya dan berjiwa perkasa. Beliau sangat aktif dalam Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Setiu dan merupakan Pengerusi PeladangNita Negeri Terengganu. Setiausaha PeladangNita Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) ini juga merupakan Ketua Daerah Usahawan Wanita Bumiputera Malaysia Daerah Setiu.

Beliau telah menerima beberapa anugerah atas penglibatan aktif dalam aktiviti perladangan dan khidmat masyarakat. Antaranya, beliau telah menerima pengiktirafan sebagai tokoh Usahawanita yang diberikan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu pada tahun 2012. Seterusnya, beliau menerima anugerah Tokoh PeladangNita Kebangsaan pada tahun 2017 bersempena dengan Hari Peladang, Penternak, dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2017.

Menelusuri jejak insan bertulang besi, berurat dawai ini pasti akan memberikan inspirasi





kepada para pembaca. Antara projek yang pernah diusahakannya ialah tanaman tembikai dan projek madu lebah kelulut, dengan kerjasama Koperasi Ummu Wahidah Terengganu Berhad yang diterajuinya. Madu lebah kelulut yang diusahakannya agak istimewa kerana ditenak di dalam kawasan ladang stevia.

Di samping itu, beliau bersama keluarga mengusahakan dua buah kedai kek yang turut menyediakan kelas bimbingan untuk para penggemar kek mempelajari pelbagai teknik hiasan kek. Perkara yang lebih membanggakan beliau ialah minyak daripada ekstrak daun gelam untuk merawat penyakit saraf yang diprosesnya sendiri telah mula berada di pasaran tempatan.

Tokoh ini menyimpan impian dan perancangan untuk melebarkan sayap dalam bidang perniagaan kek. Selain itu, beliau juga bercadang untuk menambah cawangan kafe miliknya sehingga menembusi pasaran ke seluruh pelosok negara.



Gurindam Hati Waja

Jika teguh azam dan cita,
Yang dibuat menjadi nyata.

Jika kau asah potensi diri,
Yang diusahakan pasti menjadi.

Jika ilmu penuh di dada,
Idea terbaik sentiasa ada.

Jika semangat tersemat di dada,
Hasil kaudapat berlipat ganda.

Jika tabah juga semangat,
Tidak rugi menumpah keringat.

Jika bekerja utamakan muafakat,
Semua usaha membawa berkat.

Jika idea sungguh kreatif,
Kelak kaudapat pelbagai insentif.

Jika hidup selalu berbakti,
Namamu harum tersemat di hati.

Alias bin Derais
Shah Alam, Selangor

1.2.1 Mendengar dan memberikan respons dengan mengutamakan aspek kejelasan, nada, dan kefasihan dengan betul.

4.1.2 Memahami dan mengapresiasi puisi moden dan **puisi tradisional** dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya.



Sinar Baharu Penternak Jaya



1. Dengan merujuk pelbagai bahan, lengkapkan maklumat tentang keperluan untuk menjadi penternak yang berjaya.
2. Berikan penilaian tentang kertas cadangan yang disediakan berdasarkan borang penilaian.
3. Tulis kertas cadangan untuk satu projek penternakan yang ingin dilaksanakan di sekolah.

Iqbal terlihat poster iklan Pencarian Penternak Jaya Muda yang ditampal di tepi jalan. Dia pantas mengambil gambar iklan tersebut dengan telefon pintarnya. Dia ingin menunjukkan gambar iklan tersebut kepada kawannya, Edwin, dan akan mencadangkan agar Edwin menyertai program tersebut.

Edwin, saya rasa awak sesuai untuk menyertai Program Pencarian Penternak Jaya Muda ini. Awak mempunyai kriteria seperti yang terdapat dalam iklan.

Terima kasih, Iqbal. Awak mesti bantu saya. Apakah yang perlu saya sediakan sebelum menghadiri temu duga itu?

Anda layak jika ...

- Warganegara Malaysia.
- Berumur antara 18 hingga 40 tahun.
- Telah memulakan projek penternakan.
- Telah mengikuti kursus teknikal tentang penternakan.
- Memiliki tanah untuk penternakan.

Adakah anda berminat?

Temui kami untuk temu duga pada tarikh dan masa seperti yang berikut:

Tarikh: 23 Februari 20

Masa: 8:00 pagi hingga 5:00 petang

Tempat: Dewan Jaya Niaga

Penganjur: Persatuan Penternak Anak Negeri

Sila bawa kertas cadangan untuk sesi temu duga.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:
Ahlia binti Zahid: 011-12345678
Peserta yang terpilih sebagai Penternak Jaya Muda akan dihubungi oleh pihak penganjur.

Panduan Membuat Kertas Cadangan



Borang Penilaian Kertas Cadangan

Tandakan penilaian anda mengikut skala yang diberikan.

1	Setuju
---	--------

2	Tidak setuju
---	--------------

1. Tajuk projek sesuai dengan aktiviti.	1	2
2. Latar belakang projek diberikan dengan jelas.	1	2
3. Objektif kertas cadangan bersesuaian.	1	2
4. Menyatakan sumber belanjawan.	1	2
5. Jangka masa yang diberikan mencukupi untuk pelaksanaan projek.	1	2
6. Kumpulan sasaran memperoleh manfaat daripada projek.	1	2
7. Jadual pelaksanaan projek tersusun dan mudah difahami.	1	2



Panduan melengkapkan maklumat adalah seperti yang berikut:

1. Tentukan situasi dan keperluan maklumat yang hendak dilengkapkan. Misalnya, untuk menyediakan brosur, menyampaikan ceramah, atau menulis rencana.
2. Tentukan maklumat yang diperlukan berdasarkan situasi dan keperluan tersebut.
3. Teliti maklumat sedia ada dan tentukan maklumat lain yang diperlukan.
4. Rujuk pelbagai bahan untuk melengkapkan maklumat tersebut.
5. Tulis maklumat mengikut susunan yang sesuai.

3.3.1 Menulis dan melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan mengikut situasi dan keperluan.



Teka Silang Tarsia



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Lengkapkan teka silang Tarsia di bawah dengan padanan jawapan yang tepat.
2. Bandingkan jawapan anda dengan rakan anda.

Jom Suai Padan

TEMA 4

Menjangkau Harapan di Bumi Bertuah

Durian belanda Sarungnya menjadi minuman berkhasiat

Udang Bertanduk cantik dagingnya enak

Buah Naga Limau masam untuk sambal belacan

Durian berkulit lembut? Halua daripada bunga?

Rusa Ada cepa di balik batu?

Itik penelur Ada cepa di balik batu?

Belimbing besi Ada misai bukan kucing

Jagung Ada cepa di balik batu?

Pedas Buah berbentuk bintang

Burung unta Burung terbesar yang masih hidup

Burung puyuh Burung terbesar yang masih hidup

Limau Kasturi Buah sumber protein

Burung walit Buah sumber protein

Cili Buah berbentuk bintang

Ikan keli Ada misai bukan kucing

Kupang Burung yang ditanam untuk daging dan telur



Juadah Penambat Selera



Aktiviti

1. Nyatakan maklumat tersurat dan tersirat berdasarkan bahan.
2. Bandingkan perbezaan kerabu rumpai laut dengan jenis-jenis kerabu yang lain.

Kerabu Rumpai Laut

Bahan-bahannya:

- 80 gram rumpai laut kering
- 2 ulas bawang merah
- 2 biji limau kasturi (untuk hiasan)
- ½ cawan perahan limau kasturi
- 3 sudu makan gula pasir
- ½ sudu teh garam
- 1 biji timun (kupas kulit dan buang empulurnya)

- 2 biji mangga muda (boleh juga gunakan epal hijau)
- 1 kuntum bunga kantan
- 1 biji cili merah
- 1 biji cili hijau
- 7 biji cili padi
- ½ cawan udang kering (untuk sambal)
- 7 biji cili padi (untuk sambal)

Cara menyediakannya:

1. Rendam rumpai laut semalaman. Kemudian, cuci bersih-bersih dan tuskan airnya.
2. Potong rumpai laut mengikut saiz yang digemari.
3. Potong nipis-nipis bawang merah, timun, mangga muda, bunga kantan, cili merah, cili hijau, dan cili padi.
4. Tumbuk bahan sambal, iaitu ½ cawan udang kering dan 7 biji cili padi, sehingga lumat.
5. Masukkan semua bahan yang telah dipotong nipis, rumpai laut, dan sambal ke dalam mangkuk. Gaul kesemuanya sehingga mesra.
6. Tambahkan sedikit garam, gula, dan perahan limau kasturi hingga semuanya cukup rasa.
7. Biarkan selama 15 minit.
8. Hias dengan limau kasturi dan sedia untuk dihidangkan.





1. Baca bahan dan kategorikan kata nama mengikut golongannya.
2. Bina ayat menggunakan kata nama mengikut konteks.

Herba Jadi Ubat



Mesej Baharu

Penerima noreen@zmail.com

Subjek Petua Nenek

Apa khabar sahabatku, Noreen? Maafkan saya kerana membuat awak tertunggu-tunggu jawapan tentang petua menggunakan herba untuk menjaga kesihatan. Puas saya memujuk nenek untuk berkongsi petua. Setelah seminggu menghabiskan cuti sekolah di rumah nenek, dapatlah juga saya mengumpulkan maklumat tentang petua nenek.

Noreen, awak tahu tak bahawa bunga raya berwarna putih boleh dijadikan ubat? Nenek saya menggunakan bunga raya putih sebagai alat tuam untuk merawat bisul dan bengkak. Di sekeliling rumah nenek saya juga ada banyak pokok kaduk. Saya hampir keliru untuk membezakan antara daun kaduk dengan daun sirih kerana rupa bentuknya yang hampir sama. Nenek memberitahu saya, daun kaduk boleh dijadikan ulam, manakala akarnya digunakan untuk merawat sakit gigi, batuk, dan kulat pada kaki.

Kebetulan, ketika di kampung, saya mengalami cirit-birit. Agak susah juga untuk mendapatkan ubat kerana rumah nenek saya jauh dari bandar. Jadi, nenek juga mengajar saya untuk menggunakan daun dan pucuk senduduk sebagai penawar. Menurut nenek, pucuk dan daun senduduk boleh dimakan untuk mengurangkan cirit-birit, manakala air rebusan akarnya pula boleh melegakan sakit gigi dan mengurangkan kembung perut. Syukur, petua nenek ini berjaya membantu mengurangkan masalah cirit-birit saya.

Selain itu, nenek turut berkongsi ilmu untuk membuat minyak urut daripada serai. Minyak serai ini bagus untuk mengurangkan sengal-sengal sendi. Di samping itu, minyak serai juga membantu merawat masalah kelemumur pada rambut dan berfungsi sebagai aromaterapi yang dapat meredakan rasa cemas.

Setakat ini sahaja yang dapat saya coretkan untuk awak. Semoga perkongsian cerita ini dapat membantu menambahkan pengetahuan awak tentang penggunaan herba untuk kesihatan. Jumpa lagi!

Sahabatmu,
Nurul Hayati.

Hantar

